



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.35 SUBUH 4.45 SYURUK 6.07 DUHA 6.30 ZUHUR 12.18 ASAR 3.38 MAGHRIB 6.27 ISYAK 7.40 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 57

11 MEI 2024 / 1445 ذوالقعدة 2

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

مانيسش ايمان

"SESIAP yang membawa kebaikan (pada hari Kiamat), maka baginya (pahala) sepuluh kali ganda (daripada amalnya) dan sesiapa yang membawa kejahanan maka dia tidak akan dibalas seimbang dengan (kejahanan)nya sedang mereka (sedikit pun) tidak dianaya".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'am, ayat 160.

BERKENAN MENERIMA JUNJUNG ZIARAH JEMAAH HAJI NEGARA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada 1,033 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Dari jumlah tersebut, seramai 493 orang merupakan bakal jemaah haji lelaki, manakala, seramai 540 orang terdiri daripada bakal jemaah wanita.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji negara bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Menggalakkan kemakmuran ekonomi, capai kesamarataan

Oleh : Haniza Abdul Latif

JERUDONG, Rabu, 8 Mei. - Ekonomi global dan industri kewangan telah terjejas secara ketara oleh pandemik COVID-19, yang berfungsi sebagai pengajaran penting bagi kita semua dan mengakibatkan kebanyakan negara mengalami kemelesetan ekonomi yang berpanjangan.

Setelah mengalami kelembapan ekonomi yang ketara pada 2022, diikuti dengan penurunan lebih lanjut tahun lalu, Bank Dunia meramalkan penurunan pertumbuhan ekonomi global untuk 2024, menandakan tahun ketiga berturut-turut *deceleration*.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menyampaikan ucaptama pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Kali Ke-16 Islamic Financial Services Board yang berlangsung di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei, di sini.

>> Muka 8

Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin berikut dengan pelantikannya semula sebagai Presiden Persekutuan Rusia.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



UPACARA pecah tanah fasiliti bersepadu penyelenggaraan marin, pentaulihan

Muka 10



KOMITED memperkuatkan strategi pengurangan risiko bencana

Muka 12



12 bebola terumbu, 72 batu karang ditanam

Muka 19

RENCANA AKTIVITI pelancongan, kraf tangan tarikan pengunjung

Muka 28

Berkenan menerima junjung ziarah jemaah haji negara



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morschidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumun



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Menerima Mengadap dan Junjung Ziarah bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Jumlah berkenaan termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD

(Pentadbiran dan Perubatan) dan pegawai pengiring syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji.
Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

>> Muka 3

SIDANG PENGARANG

11 MEI 2024

Meningkatkan taraf hidup penduduk pedalaman

RAKYAT dan penduduk negara ini amat bersyukur kerana berada dan dilahirkan di Negara Brunei Darussalam, bumi yang bertuah. Ini kerana negara kita memiliki kekayaan hasil minyak dan gas yang menjana ekonomi negara selain mempertingkatkan dan mempergiatkan lagi industri pelancongan, perindustrian, perkilangan dan sebagainya.

Di samping itu, rakyat dan penduduk negara ini berasa beruntung dan bertuah kerana dikurniakan dengan seorang pemimpin yang adil laila bijaksana, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang sangat mengasih seluruh lapisan rakyat dan penduduk tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

Dengan berkat pemerintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita dapat menikmati bersama dengan kemajuan dalam pelbagai bidang kehidupan, seperti pembangunan, pendidikan, pertanian, ekonomi dan sebagainya semata-mata untuk memberikan kemudahan dan tahap kehidupan yang baik dan selesa kepada seluruh rakyat di negara ini.

Sesungguhnya, apa yang dilakukan itu adalah untuk kepentingan rakyat dan penduduk kerana kemajuan yang dikehendaki ini adalah dengan kerjasama, sokongan dan dukungan daripada semua peringkat rakyat dan penduduk, sehingga negara mampu mengharungi pelbagai cabaran globalisasi dan tanpa adanya kekuatan segala cabaran pastinya tidak akan dapat diatasi.

Penyediaan prasarana tidak hanya tertumpu di kawasan bandar, tetapi ia juga dilaratkan ke kawasan pedalaman agar penduduk pedalaman tidak rasa terpinggir dan turut sama menikmati kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Lawatan Muhibah oleh Menteri-menteri daripada tiga buah kementerian yang diadakan baru-baru ini di kawasan pedalaman Ulu Belait adalah salah satu bukti dan usaha berterusan pihak kerajaan dalam sama-sama memeduli keperluan dan kebajikan penduduk.

Lawatan berkenaan adalah untuk mengerakkan hubungan silaturahim dan menyalurkan pemedulian daripada pihak kerajaan terhadap kesejahteraan dan kebajikan komuniti selain dapat meninjau dengan lebih dekat akan keadaan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan di kawasan pedalaman.

Keutamaan sentiasa diberikan kepada mempertingkatkan taraf kehidupan dan kelestarian penduduk dan masyarakat setempat seperti juga rakyat dan penduduk seluruh negara. Melalui pendekatan senegara, usaha akan terus ditumpukan kepada inisiatif-inisiatif yang memberikan impak terbesar kepada kehidupan sehari penduduk setempat.

Ini bagi memastikan penduduk pedalaman tidak terpinggir daripada menerima arus perkembangan dan kemajuan negara termasuklah pembinaan jalan raya, penyediaan rangkaian paip air bagi bekalan air bersih, penyediaan tandas awam, perkembangan infokomunikasi dan teknologi seperti memperkenalkan rangkaian internet yang menggunakan tenaga suria untuk kemudahan berkomunikasi; serta bantuan kemasyarakatan, balai ibadat dan lain-lain yang diharapkan dapat mempertingkatkan lagi taraf kehidupan penduduk dan masyarakat setempat.

Dengan kemudahan yang disediakan ini jelas menunjukkan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa dipeduli walaupun jauh di pedalaman dan itu jelas membuktikan mereka yang jauh di pelosok bandar tidak terpinggir daripada mengecapi kemudahan-kemudahan dalam sama-sama meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Pemedulian dan pengelilingan daripada pihak kerajaan dihazarkan melalui penyediaan prasarana dan kemudahan asas demi untuk keselesaan dan kesejahteraan penduduk serta masyarakat pedalaman.

Oleh itu, dihasratkan agar penduduk dan masyarakat di kawasan berkenaan tidak terpinggir daripada mengecapi kemudahan dan prasarana yang disediakan selaras dengan arus perkembangan dan kemajuan negara meskipun berada di pedalaman. - Ketua Penyuntingan (Sb)

WAKTU SEMBAHYANG

Mei MASIHI	HARI	Zulkaedah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	SABTU	2	4 . 35	4 . 45	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 38	6 . 27	7 . 40
12	AHAD	3	4 . 35	4 . 45	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 39	6 . 27	7 . 40
13	ISNIN	4	4 . 35	4 . 45	6 . 07	6 . 30	12 . 18	3 . 39	6 . 27	7 . 40
14	SELASA	5	4 . 34	4 . 44	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 39	6 . 27	7 . 40
15	RABU	6	4 . 34	4 . 44	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 39	6 . 27	7 . 40
16	KHAMIS	7	4 . 34	4 . 44	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 40	6 . 27	7 . 41
17	JUMAAT	8	4 . 34	4 . 44	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 40	6 . 27	7 . 41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU Bandar Seri Begawan	AHAD	ISNIN
32 26 °C Pekan Bangar	31 25 °C	32 25 °C
31 26 °C Pekan Tutong	31 25 °C	32 25 °C
32 26 °C Kuala Belait	32 25 °C	32 25 °C
32 26 °C WallahuAlam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	31 25 °C	31 25 °C

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردان منtri دان دجیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji negara (kiri dan kanan).



>> Muka 2

Sebelum Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, bakal jemaah haji negara telah menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan menikmati jamuan tengah hari.

Pada majlis itu, bakal jemaah

haji negara menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berupa pakaian ihram bagi jemaah haji lelaki dan telekung bagi jemaah haji perempuan.

>> Muka 4



SEBELUM Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, bakal jemaah haji negara menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah dan kanan, suasana sekitar majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji negara (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Bagi musim haji tahun ini terdapat tujuh buah syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji, iaitu Darussalam Services

Sendirian Berhad, Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd., Raudah Al Amin Sdn. Bhd., Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Dar El Ehsan Sdn. Bhd. dan

Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd.

Penerbangan bakal jemaah haji negara akan bermula pada 23 hingga 26 Mei nanti.



BAKAL jemaah haji negara semasa menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berupa pakaian iham bagi jemaah haji lelaki dan telekung bagi jemaah haji perempuan (kanan dan atas kanan). Sementara gambar atas, bawah kiri dan bawah kanan, sebahagian bakal jemaah haji yang hadir pada majlis tersebut.



BACAAN YAA SIIN, TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA SEMPENA SAMBUTAN HUT ABDB KE-63



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-63, bertempat di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan (atas). Manakala gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Kementerian Pertahanan pagi tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-63, bertempat di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus buat paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Letenan Kolonel Ariffin bin Amit @ Hamid dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT) yang juga seterusnya membacakan Doa Allah

Perliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sambutan HUT ABDB Ke-63 pada tahun ini akan diadakan pada 1 Jun 2024 dan acara tahlil ini menandakan bermulanya pelbagai aktiviti yang telah dirancang sepanjang sambutan.

Juga hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; serta peringkat kepimpinan daripada Kementerian Pertahanan.

Raikan kecemerlangan sumbangan jururawat, bidan

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

JERUDONG, Jumaat, 10 Mei. - 2024, Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dengan kerjasama Jururawat dan Bidan Antarabangsa

Ibadah (Ibadah Friendly Hospital - IFH) untuk meraikan kecemerlangan sumbangan jururawat dan bidan.

Tema tahun ini, 'Jururawat Kita. Masa Depan Kita. Kuasa ekonomi penjagaan' yang menonjolkan kesan positif pelaburan dalam tenaga kerja kejururawatan terhadap penyampaian penjagaan kesihatan, pembangunan ekonomi, keamanan dan kesejahteraan masyarakat.

Untuk memulakan siri acara, JPMC menganjurkan Majlis Ceramah Khas, Doa Kesyukuran dan Meraikan Saudara-saudara Baharu, bertempat di Teater Kuliah, Pusat Pakar Pantai Jerudong

(PJSC), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengurus dan Pengarah Eksekutif JPMC, bersama Lembaga Pengarah JPMC, Pengurusan dan Ketua Jabatan JPMC dan PJSC.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Awang Ishkandar bin Haji Buntar, diikuti dengan ceramah pencerahan bertajuk 'Kemuliaan Peranan Jururawat & Bidan Menurut Islam' yang disampaikan oleh penceramah jemputan

Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail.

Majlis diteruskan dengan Dikir Ashraqal Badru Al'aina dan penyampaian cenderahati kepada sembilan kakitangan JPMC dan PJSC yang baru memeluk Islam sejak tahun 2022, dan diakhiri dengan sesi bergambar beramai dan majlis memotong kek.

Acara tersebut menjadi bukti penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan tidak ternilai yang dibuat oleh jururawat dan bidan, menekankan peranan penting mereka dalam ekosistem penjagaan kesihatan.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengurus dan Pengarah Eksekutif JPMC, bersama Lembaga Pengarah JPMC, Pengurusan dan Ketua Jabatan JPMC dan PJSC hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Manakala gambar bawah, ceramah pencerahan bertajuk 'Kemuliaan Peranan Jururawat & Bidan Menurut Islam' yang disampaikan oleh penceramah jemputan Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Bersatu Mengurangkan Sampah Plastik'. Tarikh Tutup : 15 Mei 2024
- 'Kepentingan Air Dalam Kehidupan'. Tarikh Tutup : 22 Mei 2024
- 'Ubah Mentaliti Terokai Bidang Baharu'. Tarikh Tutup : 29 Mei 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MINDA PEMBACA



Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

DSA, NATSEC ASIA : KETENGAHKAN STRATEGI BAHARU TANGANI CABARAN KESELAMATAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan

KUALA LUMPUR, Rabu, 8 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, telah mengetuai delegasi Kementerian Pertahanan ke Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) Ke-18, 2024 dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 Ke-3, yang berlangsung dari 6 hingga 9 Mei 2024, di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Putrajaya Kuala Lumpur, Malaysia, baru-baru ini.

Turut sama dalam rombongan berkenaan ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Yang Mulia Mohd. Aizul Hakim bin Pehin Orang Kaya Indra Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi; serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.



MAJLIS Pembukaan Rasmi Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) Ke-18, 2024 dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 Ke-3 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Upacara pembukaan DSA Ke-18 2024 dan NATSEC Asia 2024 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Pameran DSA Ke-18 2024 mempamerkan peralatan dan teknologi canggih dalam pertahanan darat, udara, dan laut, robot tempur, pertahanan dan keselamatan siber, bantuan bencana dan menyelamat, Unmanned Aerial Vehicles (UAVs), dan perubatan medan tempur,

bagi menarik perhatian pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin-pemimpin industri global.

Sementara NATSEC Asia 2024 mempamerkan peralatan untuk penguatkuasaan undang-undang, penjagaan kesihatan medan tempur, platform berdasarkan laut, dan sistem latihan, dengan matlamat untuk menangani cabaran keselamatan serantau serta memupuk kerjasama dalam bidang pertahanan.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II telah berpeluang mengadakan perjumpaan dua hala secara berasingan dengan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin.

Semasa perjumpaan tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyampaikan tahniah atas kejayaan pelaksanaan DSA 2024 dan NATSEC 2024 pada tahun ini.

Kedua-dua pihak juga turut menekankan hubungan pertahanan

yang kukuh, membincangkan pelbagai isu dua hala dan strategik yang berkepentingan bersama dan seterusnya mengulangi komitmen untuk meluaskan lagi usaha sama pertahanan di antara kedua-dua buah negara.

Pameran DSA Ke-18 2024 dan NATSEC Asia 2024 menyaksikan penyertaan lebih 1,200 syarikat dari 45 negara, memfokuskan kepada pembangunan industri tempatan dan kerjasama antarabangsa.

Edisi tahun ini mengetengahkan pelbagai strategi baharu dalam menangani cabaran keselamatan semasa termasuk pertahanan siber.

Kedua-dua DSA dan NATSEC Asia menyediakan peluang untuk perkongsian pengetahuan dan idea, serta pertukaran bersama daripada negara-negara yang mengambil bahagian yang turut menyumbang secara signifikan ke arah masa depan yang lebih selamat dan terjamin.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin mengadakan Kunjungan Muhibah semasa Pameran DSA 2024 dan Forum NATSEC 2024 (kiri dan kanan).



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan rombongan ke DSA 2024 Ke-18 dan NATSEC 2024 yang diadakan pada 6 Mei hingga 9 Mei 2024, di Kuala Lumpur, Malaysia.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"


"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin



HADIR menyerikan majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kanan dan atas). Sementara gambar bawah, sekitar majlis berkenaan.



GLENEAGLES JPMC CERIAKAN AIDILFITRI



JERUDONG, Rabu, 8 Mei. - Syawal melabuh tirainya pada penghujungnya, namun dalam kesempatan itu Aidilfitri masih diraikan dalam suasana meriah.

Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) untuk sambutan kali ini meraikan sekitar 500 jemputan termasuk stafnya pada majlis yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire Hall, Jerudong Polo Club, hari ini.

Majlis diserikan dengan

kedatangan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Juga hadir, para perwakilan asing ke negara ini, pegawai kanan kerajaan, pihak berkepentingan korporat dan juga staf Gleneagles JPMC.

Sambutan Aidilfitri kali ini juga dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay serta pihak pengurusan Gleneagles JPMC. Apa yang diharapkan adalah dengan adanya keraian sambutan seumpama itu dapat lagi memperkuuh lagi hubungan yang sedia terjalin selain membina ukhuwah yang lain demi kepentingan bersama pada masa akan datang nanti.

Ramah Mesra Aidilfitri KKBS eratkan silaturahim, kerjasama



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BERAKAS, Rabu, 8 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Antara objektif Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini ialah bagi menzahirkan rasa kesyukuran setelah menjalani ibadah puasa selama sebulan pada bulan Ramadan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim, ukhuwah dan kerjasama antara pegawai dan kakitangan di KKBS serta jabatan-

jabatan di bawahnya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis Ramah Mesra Aidilfitri kali ini diselajurkan dengan Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan dan Sijil Penghargaan kepada pesara-pesara KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024 kepada rakan-rakan strategik

KKBS.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibaca oleh Pegawai i-Ready Perkembangan Ugama Pusat Pembangunan Belia, KKBS, Awang Muhammad Irfan bin Haji Aliakbar.

Pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Kesukunan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud yang juga selaku Pengurus Majlis turut menyampaikan ucapan.

Seterusnya, Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan dan Sijil Penghargaan kepada pesara-pesara KKBS. Seramai 56 pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (atas). Manakala gambar kiri, sekitar majlis berkenaan.

jabatan di bawahnya yang telah bersara bagi tahun 2023.

Majlis diteruskan lagi dengan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024. Sebanyak 114 rakan strategik yang telah diberikan penghargaan.

Penghargaan tersebut adalah untuk mengiktiraf nilai yang wujud dalam seseorang pekerja yang telah memberikan sumbangan khidmat sepanjang bertugas dengan kerajaan dan memberikan penghargaan kepada rakan-rakan strategik yang telah menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 yang telah diadakan pada 24 Februari 2024

yang lalu.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kesukunan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal; Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria binti Haji Serudin.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfeloh; ketua-ketua bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap.

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, dunia juga menghadapi cabaran lain yang timbul daripada peristiwa berkaitan iklim, seperti peningkatan suhu global dan paras laut, peristiwa cuaca ekstrem, dan acidification laut, ini telah menimbulkan ancaman dan risiko tambahan yang mempengaruhi prestasi pertumbuhan ekonomi global.

Pada masa yang sama jelas Yang Berhormat, sektor perkhidmatan kewangan dan model perbankan tradisional terus diuji dan diganggu oleh inovasi digital, termasuk Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), rangkaian blok, aplikasi mudah alih; pemain bukan bank (*non-bank players*); dan syarikat *startup* dan teknologi, yang bersama-sama mewujudkan landskap persaingan yang lebih sengit.

Menurut Yang Berhormat, kewangan Islam berusaha untuk menggalakkan kemakmuran ekonomi, mencapai kesamarataan sosioekonomi, dan mewujudkan keadilan sosioekonomi, dengan ciri-ciri asas ini memperkuatkan daya tahannya terhadap kelembapan kewangan, risiko iklim, gangguan digital, dan ketegangan geopolitik.

Melalui kajian yang dijalankan

MENGGALAKKAN KEMAKMURAN EKONOMI, CAPAI KESAMARATAAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

oleh Dana Monetari Antarabangsa (International Monetary Fund - IMF) tentang prestasi sektor perbankan semasa krisis *subprime* 2008 ujar Yang Berhormat, industri kewangan Islam terbukti secara empirikal lebih berdaya tahan daripada rakan sejawat konvensionalnya semasa waktu krisis dan kerentanan.

Kewangan Islam juga tambah Yang Berhormat telah mengalami pertumbuhan yang signifikan selama bertahun-tahun, dan menurut Laporan Standard & Poor 2024-2025, industri kewangan Islam terus berkembang pada 2023, dengan peningkatan aset sebanyak 8.0 peratus, didorong oleh pertumbuhan yang ketara dalam perbankan Islam dan pasaran modal Islam di kawasan-kawasan utama.

"Dalam konteks tempatan kita, saya gembira untuk berkongsi bahawa pada suku keempat 2023, aset kewangan Islam mewakili 57.9 peratus daripada jumlah bahagian pasaran perkhidmatan kewangan negara.

"Institusi pengambilan deposit, yang terdiri daripada kedua-dua bank dan syarikat kewangan, memainkan peranan penting dalam pertumbuhan industri perkhidmatan kewangan Islam, menyumbang 95.2 peratus kepada jumlah aset kewangan Islam.

"Entiti takaful, walaupun memegang bahagian yang lebih kecil, masih memberikan sumbangan ketara sebanyak 4.8 peratus," ujar Yang Berhormat lagi.

Kejayaan dalam membangunkan kewangan Islam di Negara Brunei

Darussalam (NBD) menurut Yang Berhormat, diperuntukkan kepada usaha bersama banyak pihak berkepentingan, termasuk Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), agensi kerajaan yang berkaitan dan industri kewangan.

Sebagai regulator kewangan kata Yang Berhormat, BDCB telah memainkan peranan penting dalam menetapkan kerangka kerja yang diperlukan untuk membudayakan ekosistem yang berkembang pesat bagi kewangan Islam.

Pada masa yang sama tekan Yang Berhormat, industri kewangan juga telah memberikan sumbangan yang penting dalam memajukan kewangan Islam, ini termasuk pelaburan sebanyak BND2 bilion oleh sebuah bank Islam tempatan ke arah usaha kelestarian; pengenalan penyelesaian digital untuk produk takaful; penawaran produk pelaburan Islam dan capaian seorang pengurus aset Islam tempatan menjadi penandatangan kepada Prinsip-prinsip Pertanggungjawaban Pelaburan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations

Principles for Responsible Investment).

"Selain daripada sektor kewangan, pemain industri lain seperti syarikat-syarikat FinTech dan telekomunikasi juga turut memainkan peranan dalam kemajuan kewangan Islam di NBD, dan telah menyaksikan pengenalan gerbang pembayaran e-Zakat dan platform crowdfunding untuk inisiatif Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang juga telah menyumbang kepada pemahaman visi negara untuk menjadi sebuah Negara Pintar," ujar Yang Berhormat lagi.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Kali Ke-16 Islamic Financial Services Board yang berlangsung di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei.

Revolusikan kewangan tradisional ke teknologi terkini

JERUDONG, Rabu, 8 Mei. – Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, sektor kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) semakin maju dengan inisiatif digitalisasi,

merevolusikan amalan kewangan tradisional dengan teknologi terkini yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip Islam.

Berucap semasa menyampaikan ucaptama pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Kali Ke-16 Islamic Financial Services Board (IFSB) yang berlangsung di Dewan

Indera Samudera, The Empire Brunei, di sini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tahun lalu, aplikasi mudah alih pertama yang menawarkan tanda tangan digital dan kontrak digital diperkenalkan.

Pelaksanaan transformasi digital ini jelas Yang Berhormat, akan meningkatkan keupayaan mereka untuk menawarkan keselesaan, keselamatan dan aksesibiliti yang lebih besar kepada perkhidmatan kewangan kepada pelanggan.

Dengan transformasi ini tambah Yang Berhormat, ia akan menggalakkan inklusiviti dan memastikan ketangkasian kami yang berterusan dalam industri perbankan yang semakin terdigitalisasi.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa NBD juga komited untuk menangani

isu perubahan iklim di peringkat nasional dan global, dan pada 2020, NBD telah menyerahkan Nationally Determined Contributions (NDC) kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (United Nations Framework Convention on Climate Change-UNFCCC).

Pada tahun yang sama tambah Yang Berhormat, NBD melancarkan Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP), yang menggariskan strategi negara dalam menangani perubahan buruk corak iklim bagi membuka laluan rendah karbon dan berdaya tahan iklim NBD untuk sebuah negara yang mampan.


Di peringkat serantau pula menurut Yang Berhormat, NBD sebagai ahli Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), telah membuat beberapa komitmen untuk menangani perubahan iklim di bawah Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Perubahan Iklim (ASEAN Working Group on Climate Change - AWGCC).

Di peringkat antarabangsa

uar Yang Berhormat, NBD telah mengumumkan di Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-26 atau Persidangan Piap-pihak Konvensyen Kerangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (COP 26) pada 2021 hasratnya untuk menuju ke arah sifar bersih menjelang 2050.

NBD juga jelas Yang Berhormat, menjadi pemimpin dalam penubuhan Pusat ASEAN untuk Perubahan Iklim (ASEAN Centre for Climate Change-ACCC), sebagai tuan rumah pusat tersebut.

Penubuhan ACCC kata Yang Berhormat, adalah inisiatif dan komitmen NBD di bawah kepimpinan ASEAN pada 2021, dengan tujuan ACCC adalah untuk memudahkan kerjasama serantau dan koordinasi dalam inisiatif perubahan iklim dalam kalangan Negara-negara Ahli ASEAN (ASEAN Member States-AMS) dengan kerajaan kebangsaan yang berkaitan, organisasi serantau dan antarabangsa, serta untuk memberi cadangan dasar mengenai menangani perubahan iklim kepada AMS.



ANTARA yang hadir pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Kali Ke-16 Islamic Financial Services Board.

IFSB : BINCANG KEDAYATAHANAN SEKTOR KEWANGAN ISLAM



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Kali Ke-16 IFSB yang berlangsung di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Abdullah selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pengiran Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki, diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Setiausaha Agung IFSB, Dr. Ghiath Shabsigh.

Dr. Ghiath Shabsigh dalam ucapannya antara lain mengongsikan mengenai perkembangan kewangan Islam termasuk kemajuan dan pencapaian industri kewangan Islam.

Tambahnya, industri tersebut telah mengalami kemajuan yang ketara dalam tiga dekad terakhir, dengan segmen perbankan Islam mencapai kepentingan sistematik di 15 bidang kuasa.

Pembangunan keseluruhan industri juga jelasnya, telah digerakkan oleh pertumbuhan dan perkembangan pesat segmen bukan bank dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya segmen pasaran modal, sukuk, dan takaful.

Pertumbuhan ini katanya, telah disokong oleh pembangunan infrastruktur institusi yang mantap dan pembangunan piawaian antarabangsa di samping usaha pengawalseliaan negara.

"Walau bagaimanapun, di tengah-tengah ketidaktentuan yang meningkat, termasuk cabaran makroekonomi dan perubahan struktur seperti perubahan iklim dan pendigitalan, kita mesti terus berwaspada dan mengukuhkan lagi kerjasama dan dialog antara pihak-pihak berkuasa nasional, badan-badan penetapan piawaian antarabangsa dan institusi kewangan," jelas Dr. Ghiath Shabsigh, dalam ucapan alu-aluannya pada pelancaran pra-persidangan berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar pula menekankan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menjadi mercu tanda kewangan Islam, dengan kewangan Islam merupakan salah satu bidang tumpuan utama dalam agenda pembangunan strategik BDCB seperti yang ditetapkan dalam Financial Sector Blueprint 2016-2025, iaitu untuk menyokong visi NBD untuk menjadi sebuah hab kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka.

Dua perbincangan panel diadakan semasa sidang kemuncak tersebut

yang menyentuh mengenai implikasi risiko seperti inflasi dan ketidakstabilan industri, cabaran dasar dan limpahan antarabangsa, dan pendekatan kawal selia terhadap risiko kewangan berkaitan iklim serta kesannya terhadap kewangan Islam.

Pada pelancaran pra-persidangan di sebelah pagi, sebuah pameran negara telah ditampilkan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), diikuti dengan dialog di antara BDCB, pihak industri dan akademik, dan disusuli dengan sebuah pembentangan khas oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

"Industri kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang besar, dan dijangka akan meneruskan trajektorinya, terutamanya dalam segmen pasaran modal, sukuk, dan takaful.

"Kemajuan ini berpuncak daripada infrastruktur institusi yang mantap dan pembangunan piawaian antarabangsa di samping usaha pengawalseliaan negara.

"Walau bagaimanapun, di tengah-tengah ketidaktentuan yang meningkat, termasuk cabaran makroekonomi dan perubahan struktur seperti perubahan iklim dan pendigitalan, kita mesti terus berwaspada dan mengukuhkan lagi kerjasama dan dialog antara pihak-pihak berkuasa nasional, badan-badan penetapan piawaian antarabangsa dan institusi kewangan," jelas Dr. Ghiath Shabsigh, dalam ucapan alu-aluannya pada pelancaran pra-persidangan berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar pula menekankan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menjadi mercu tanda kewangan Islam, dengan kewangan Islam merupakan salah satu bidang tumpuan utama dalam agenda pembangunan strategik BDCB seperti yang ditetapkan dalam Financial Sector Blueprint 2016-2025, iaitu untuk menyokong visi NBD untuk menjadi sebuah hab kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka.

Acara tersebut merupakan anjuran IFSB dengan BDCB sebagai tuan rumah, dengan disertai oleh lebih 20 negara, yang terdiri daripada gabenor bank-bank pusat, pemimpin industri, dan perwakilan

daripada institusi kerajaan dan ahli-ahli akademik.

Untuk maklumat lanjut mengenai Sidang Kemuncak Kali Ke-16 IFSB, sila layari www.ifbsummit2024.com.

Pusat penjagaan kanak-kanak perlu berdaftar, berlesen

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menerima aduan mengenai dengan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang tidak berlesen.

Orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa memastikan bahawa mana-mana premis yang menyediakan khidmat penjagaan anak damit sebagai alternatif kepada para ibu bapa untuk menjaga anak-anak damit semasa waktu bekerja hendaklah mematuhi Akta Pusat Penjagaan Kanak-kanak (Penggal 218)

dan berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak kerana setiap perlesenan dipantau dan dikawal oleh setiap agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

Setakat 9 Mei 2024, ada terdapat 74 pusat penjagaan kanak-kanak di seluruh negara yang sah berdaftar dan berlesen di bawah JAPEM. Senarai pusat-pusat penjagaan kanak-kanak tersebut boleh didapati dengan melayari laman sesawang JAPEM di <http://www.japem.gov.bn/Perkhidmatan/Pusat%20Penjagaan%20Kanak-Kanak.aspx> atau dengan mengimbas Kod QR yang disediakan.

Peraturan Pusat Penjagaan Kanak-kanak di bawah Akta Pusat Penjagaan Kanak-kanak (Penggal 218) menggariskan peraturan-peraturan bagi mengawal dan menjamin keselesaan dan keselamatan kanak-kanak.

Antara lain, bagi setiap pusat yang berdaftar dan berlesen hendaklah pemohon dan kakitangan di pusat penjagaan kanak-kanak telah lulus tapisan keselamatan dan tapisan jenayah daripada agensi-agensi keselamatan yang berkenaan dan telah diperiksa kesihatan

dibenarkan bekerja; dan dikehendaki menyediakan program untuk kanak-kanak yang bertujuan untuk menyokong perkembangan motor kasar dan halus, kognitif, sosial dan emosi untuk memastikan perkembangan kanak-kanak yang dijaga terjamin.

Orang ramai yang ingin membuat aduan mengenai mana-mana premis penjagaan anak damit, termasuk mengenai kesejahteraan dan keselamatan anak-anak damit yang dijaga adalah disarankan untuk segera memaklumkan JAPEM melalui Talian ANAK 121. Setiap aduan yang diterima akan dijaga kerahsiaannya.

Jika sebuah pusat penjagaan kanak-kanak adalah didapati tidak berlesen atau menjalankan perkhidmatan secara bertentangan dengan syarat-syarat lesennya, ia boleh dikenakan denda iaitu saman tidak melebihi BND5,000, penjaralah menghubungi Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak menerusi talian +673 2380704 atau e-mel childcarecentre@japem.gov.bn.



PUSAT PENJAGAAN
KANAK-KANAK

MEMBANGUN INDUSTRI MARIN UNTUK PELBAGAIKAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MUARA, Rabu, 8 Mei. - Projek Bersepadu Penyelenggaraan Marin dan Pentaulahan adalah projek strategik yang penting sebagai sebahagian daripada perjalanan untuk membangunkan industri marin dan untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Syarikat Anson International Sdn. Bhd. menyediakan fasiliti bersepadu penyelenggaraan

marin dan pentaulahan yang pertama seumpamanya di Negara Brunei Darussalam (NBD), akan mampu menyediakan pelbagai perkhidmatan penyelenggaraan kepada kapal marin, perkhidmatan penamatan untuk struktur akhir hayat seperti aset luar pesisir dan perkhidmatan sampingan lain termasuk kejuruteraan, fabrikasi dan pengendalian sisa.



Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku tetamu kehormat majlis di Upacara Pecah Tanah Fasiliti Bersepadu Penyelenggaraan Marin dan Pentaulahan yang disaksikan hari ini bertempat di Pulau Muara Besar, ini akan mewujudkan peluang pekerjaan tempatan baharu, menggalakkan pembangunan kemahiran khusus industri dalam kalangan bakat tempatan kami, serta memupuk pemindahan pengetahuan dan teknologi daripada rakan teknikal pakar.

"InsyaAllah, dengan adanya Anson International Sdn. Bhd., ia diharap untuk tidak hanya menangkap nilai pasaran tempatan bernilai berjuta-juta ringgit Brunei dan mengekalkan nilai dalam negara, tetapi juga kedudukan untuk bersaing dalam dan perkhidmatan kepada pasaran serantau yang lebih luas," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

menggariskan penubuhan bersepada penyelenggaraan marin dan pentaulahan ini sekali gus dengan merealisasikan Pelan Induk Maritim Brunei Darussalam menekankan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk merangsang dan memudahkan pembangunan sektor bukan minyak dan gas sebagai sebahagian daripada matlamat Wawasan Brunei 2035 ke arah ekonomi dinamik dan mampan.

Diharapkan Anson International Sdn. Bhd. tambah Yang Berhormat, sebagai perintis dan batu asas dalam BDMC ini, akan membuka pintu bagi peluang-peluang spin dan perniagaan lain untuk merangsang dan mekar di negara ini, dan bertindak sebagai dorongan bagi pembangunan lagi industri baharu di bawah sektor perkhidmatan yang merupakan salah satu sektor keutamaan di bawah Pelan Ekonomi Brunei Darussalam.

Yang Berhormat akhirnya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Anson International Sdn. Bhd. atas kerja keras mereka,



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap.

ketabahan dan dedikasi untuk membawa kita ke mana kita berada hari ini, bersedia untuk memulakan pembinaan kawasan itu.

Yang Berhormat juga berharap Anson International Sdn. Bhd. sentiasa terbaik dan berharap bahawa ia terus berusaha dan berinovasi untuk berkembang dirinya sebagai pemain utama dan pesaing bukan sahaja tempatan tetapi juga di peringkat serantau.

Upacara pecah tanah fasiliti bersepadu penyelenggaraan marin, pentaulahan

MUARA, Rabu, 8 Mei. - Pada hari ini telah menyaksikan sebuah pencapaian yang penting dalam industri maritim Brunei dengan berlangsungnya upacara pecah tanah bagi sebuah fasiliti bersepadu bagi penyelenggaraan marin dan pentaulahan di Pulau Muara Besar.

Acara tersebut menandakan permulaan transformatif bagi menuju peningkatan keupayaan negara dalam industri penyelenggaraan dan pembaikan kapal-kapal marin, serta pentauliahannya.

Berlangsung di Pulau Muara Besar, fasiliti tersebut akan dapat berkhidmat untuk memenuhi keperluan pelanggan tempatan dan juga antarabangsa.

Upacara dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Berucap pada upacara tersebut, Ahli Lembaga Pengarah-pengarah Anson International Sdn. Bhd., Awang Hafiz Fayadh bin Haji Musa antara lain melahirkan kegembiraannya tentang potensi projek berkenaan untuk mendorong pertumbuhan dan inovasi dalam industri maritim di Negara Brunei

Darussalam (NBD).

Menurutnya, fasiliti bersepadu penyelenggaraan marin dan pentaulahan tersebut merupakan sebuah pelaburan yang signifikan ke arah masa depan sektor maritim kita.

"Dengan memanfaatkan lokasi strategik dan kepakanan kami, projek ini disasarkan untuk menempatkan NBD sebagai salah satu destinasi utama untuk perkhidmatan marin dan pentaulahan di rantau ini," tambahnya.

Dengan lokasi yang strategik dan infrastruktur yang canggih, fasiliti ini bersedia untuk menjadi salah satu pemain penting di rantau ini, menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh untuk menyokong perkembangan sektor maritim dan permintaan pentaulahan ataupun penghapusan aset-aset yang telah luput.

Kemudahan penyelenggaraan marin ini akan menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk pemasakan, penyelenggaraan, pengubahsuaian dan pensijilan.

Dilengkapi dengan teknologi terkini dan dioperasikan oleh pasukan profesional yang mahir, kemudahan tersebut akan memastikan standard kualiti dan kecekapan tertinggi dalam semua operasinya.

Selain itu, kemudahan pentaulahan akan menawarkan perkhidmatan khusus untuk pentaulahan struktur-struktur seperti yang berasal dari pelantar-pelantar minyak luar pantai yang telah luput.

Kemudahan berkenaan akan beroperasi berdasarkan piawai yang tinggi untuk memastikan proses pentaulahan yang selamat dan mesra alam sekitar.

Upacara pecah tanah yang disaksikan hari ini menandakan

permulaan fasa pembinaan bagi Fasiliti Bersepadu Penyelenggaraan Marin dan Pentaulahan dan ia disasarkan akan siap sepenuhnya dan beroperasi pada suku ketiga 2025.

Pembangunan fasiliti tersebut juga menunjukkan komitmen NBD dalam mempelbagaikan lagi ekonominya dan memupuk pembangunan yang lestari.

Dalam hal ini, Syarikat Anson International Sdn. Bhd. turut komited dalam memastikan kejayaan jangka panjang projek tersebut, yang akan menyumbang secara langsung kepada hasrat NBD untuk membangunkan kluster maritim di dalam negara dan seterusnya menyokong pembangunan ekonomi negara.

Anson International Sdn. Bhd. adalah sebuah usaha sama di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi, bersama dengan syarikat tempatan dan juga rakan kongsi teknikal dari luar negara, yang diwujudkan untuk menubuhkan sebuah fasiliti bersepadu penyelenggaraan marin dan pentaulahan yang pertama di Pulau Muara Besar.

Projek Anson International Sdn. Bhd. turut disokong oleh pelbagai pihak berkepentingan, seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd., dan Kementerian Kewangan dan

Ekonomi.

Fasiliti berkenaan terletak di barat laut Pulau Muara Besar dan dirancang untuk mula beroperasi pada 2025, menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan marin seperti pengubahsuaian, pemasakan, pensijilan dan sebagainya; dan juga perkhidmatan pentaulahan, pemusnahan, dan pengitaran semula bagi aset-aset luput seperti aset-aset pelantar minyak dan gas luar pantai.

Fasiliti tersebut disasarkan akan menjadi kemudahan bertaraf dunia yang mampan, dan berkemampuan untuk memenuhi permintaan daripada industri Marin dan permintaan pentaulahan daripada pelanggan tempatan serta rantau Asia Pasifik yang lebih luas.



UPACARA pecah tanah bagi pembinaan Fasiliti Bersepadu Penyelenggaraan Marin dan Pentaulahan dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang berlangsung di Pulau Muara Besar.

MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PERPISAHAN

Berita dan Foto : Ihsan Haji Osman A. Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan hormat perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Kunjungan tersebut berlangsung

baru-baru ini di Pejabat Yang Berhormat Pehin, di Darulifta' Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Dalam kunjungan tersebut, kedua-dua pihak menghargai hubungan erat yang sedia ada di antara kedua buah negara dan berkesempatan bertukar-tukar pandangan mengenai isu semasa dan perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama khasnya mengenai perkembangan ugama Islam.

Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza telah menyembahkan Surat

YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 11 Oktober 2021.



KHEU adakan Majlis Doa Selamat, Penyampaian Derma



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji (kiri dan bawah kiri).

bakal jemaah haji.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat dari Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Seterusnya penyampaian derma oleh tetamu kehormat majlis, dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan juga dari JPI.

Majlis berkenaan diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran dan bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar bakal-bakal haji warga KHEU khasnya, serta bakal-bakal haji di seluruh negara, sentiasa selamat sejahtera dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping dapat menjalani ibadah haji pada tahun ini dengan sempurna.

Penerbangan pertama bagi bakal-bakal haji Negara Brunei Darussalam dijangka bertolak pada Khamis, 14 Zulkaedah 1445 Hijrah bersamaan 23 Mei 2024 Masihi.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Derma kepada 59 bakal jemaah haji yang terdiri daripada kalangan warga KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis berkenaan diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan

Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, yang kemudiannya

menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-

Dynamik Technologies anjur Sambutan Hari Raya Aidilfitri



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) semasa hadir sambutan hari raya aidilfitri berkenaan (atas). Manakala gambar bawah, antara pemenang Giveaway Raya.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Dynamik Technologies baru-baru ini mengadakan acara rumah terbuka sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Acara yang bertemakan 'Hari Raya Pintar' mempamerkan komitmen syarikat, terhadap inovasi dan penglibatan masyarakat.

Sambutan berkenaan menampilkan pelbagai aktiviti dan persembahan interaktif, mewujudkan suasana perayaan yang dinikmati oleh semua hadirin.

Antara tetamu yang hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; dan Pengurus Dynamik Technologies, pegawai-pegawai kanan kerajaan, orang-orang kenamaan asing dan VIP lain, serta pelanggan Dynamik Technologies yang dihargai.

Dalam acara sambutan berkenaan, turut diumumkan ialah pemenang Giveaway Raya, dengan lima individu bertuah menerima hadiah menarik, termasuk TV 4K 65", Tablet Xiaomi, Playstation 5,



Raikan pencapaian, sumbangan wanita



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) hadir meraikan acara Hari Penghargaan Wanita yang diadakan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan seterusnya melawat ke petak-petak jualan oleh para pengusaha di sekitar pentas acara (atas dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Ibu merupakan watak utama seorang wanita yang mempunyai peranan dalam membentuk diri kita dan masyarakat.

Bahkan, ibu juga mewakili lambang kekuatan, cinta, galakan, kebijaksanaan dan pertumbuhan.

Perkara itu antara yang ditekankan oleh Eksekutif Pemasaran Wadah Amal Sdn. Bhd., Dayangku Nur Salsabeela binti Pengiran Haji Sulaiman dalam ucapan alu-aluannya pada Hari Penghargaan Wanita yang diadakan di Kompleks Yayasan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Justeru, Hari Penghargaan Wanita dengan slogan 'Love grows wherever she goes' kepada semua ibu-ibu di Brunei jelasnya, bukan sahaja untuk meraikan pencapaian dan sumbangan wanita tetapi juga untuk mengenali cabaran yang mereka hadapi, terutamanya mereka yang memerlukan.

Hadir meraikan pada acara tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.



Turut meraikan bersama-sama ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB dan Ahli Lembaga Wadah Amal Sdn. Bhd. dan juga Pengurus Pelaburan, Darussalam Asset Sdn. Bhd. dan Ahli Lembaga

Wadah Amal Sdn. Bhd., Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpudin.

Acara diserikan dengan penyampaian sumbangan penghargaan kepada ibu-ibu yang dijemput dari Kampung Bolkiah dan seterusnya lawatan ke petak-petak jualan oleh para pengusaha di sekitar pentas acara serta pelbagai aktiviti menarik.

Acara ini adalah sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat Wadah Amal Sdn. Bhd., anak syarikat YSHHB, yang bermatlamat untuk mengurangkan lagi beban dan tekanan kesusahan kewangan, di samping membolehkan wanita fokus untuk membina masa depan yang lebih baik untuk diri mereka dan keluarga mereka.

KOMITED MEMPERKUKUH STRATEGI PENGURANGAN RISIKO BENCANA

MESYUARAT Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN Bersama Republik Korea bagi Kali Ke-6 dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, Kolonel (B) Muhamad Harrith Rashidi bin Haji Muhamad Jamin dan Ketua Pengarah, Biro Kerjasama Pentadbiran Antarabangsa, Kementerian Dalam Negeri dan Keselamatan, Republik Korea, Park Yung-Suh.



GADONG, Khamis, 9 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN Bersama Republik Korea bagi Kali Ke-6 berlangsung petang tadi bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, Kolonel (B) Muhamad Harrith Rashidi bin Haji Muhamad Jamin dan Ketua Pengarah, Biro Kerjasama Pentadbiran Antarabangsa, Kementerian Dalam Negeri dan Keselamatan, Republik Korea, Park Yung-Suh, yang menekankan komitmen yang berterusan terhadap kerjasama serantau dalam pengurusan bencana.

Semasa mesyuarat berlangsung beberapa kemajuan telah dikemukakan terutamanya

mengenai dengan inisiatif atau projek yang telah dilaksanakan iaitu Program Pembinaan Kapasiti Pengurusan Risiko Bencana untuk Projek Negara Anggota ASEAN (D-CAB) dan Piawaian dan Persijilan ASEAN untuk Pakar Pengurusan Bencana (ASCEND).

Kedua-dua projek itu merupakan usaha kerjasama di antara ASEAN dan Republik Korea bagi memperkuuh pengurangan risiko bencana di rantau ini.

Sementara itu, Mesyuarat ASEAN Disaster Resilience

Platform (ADRP) Kali Ke-5 turut diadakan, di mana ahli mesyuarat telah berkesempatan untuk bertukar-tukar amalan terbaik dan pengalaman yang memfokuskan kepada aktiviti berkaitan pengurusan bencana oleh Badan Sektor ASEAN yang berkaitan.

Mesyuarat tersebut telah memberikan gambaran menyeluruh mengenai usaha yang berterusan dalam bidang yang diketengahkan melalui kerjasama dan penambahbaikan selanjutnya.

Ahli mesyuarat juga turut

Oleh : Dk Vivy Melessa Pg Haji Ibrahim, Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

membincangkan Ulang Tahun ASEAN Kali Ke-20 bagi memperingati kejadian Tsunami Lautan Hindi yang mencerminkan daya tahan dan kemajuan rantau ini dalam mengemudi tindak balas dan pemuliharaan bencana sepanjang dua dekad yang lalu.

Mesyuarat ADRP Kali Ke-5 telah mengesahkan komitmen tidak berbelah bagi dari Negara Anggota ASEAN dan Badan Sektor

ASEAN ke arah membina rantau yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan dalam menghadapi cabaran dan ancaman yang semakin berkembang.

Melalui usaha kolaboratif dan pertukaran pengalaman, platform ini akan terus berfungsi sebagai mekanisme penting untuk memupuk kerjasama, inovasi dan strategi pengurusan bencana yang berkesan.

TINGKATKAN KERJASAMA SERANTAU DALAM PENGURUSAN BENCANA

MESYUARAT Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN Bersama Republik Rakyat China bagi Kali Ke-7 diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

GADONG, Khamis, 9 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN Bersama Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea dan Mesyuarat ASEAN Disaster Resilience Platform kali Ke-5 diadakan hari ini bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Ketiga-tiga mesyuarat ini telah diadakan secara berasingan, di mana Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN Bersama Republik Rakyat China bagi Kali Ke-7 telah dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin dan Timbalan Ketua Misi dan Kaunselor Politik Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam, Tuan Wang Haitao.

Mesyuarat tersebut menandakan satu langkah penting ke arah meningkatkan kerjasama serantau dalam pengurusan bencana bersama Republik Rakyat China, di

PLATFORM PERBINCANGAN DALAM MEMBINA KEMAJUAN, PENCAPAIAN PUSAT AHA



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Rabu, 8 Mei. - Mesyuarat Lembaga Pengarah Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) Kali Ke-20 diadakan pada hari ini sebagai sebahagian daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ASEAN Committee on Disaster Management-ACDM) dan Mesyuarat lain berkaitan Kali Ke-44.

Mesyuarat berkenaan berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Semasa mesyuarat berkenaan, Pusat AHA menyampaikan taklimat kepada Ahli Lembaga Pengarah yang hadir mengenai perkembangan kemajuan pelaksanaan Pelan Kerja 2024 Pusat AHA, serta membincangkan kemajuan dan pencapaian Pusat AHA bermula pada Oktober 2023 sehingga April 2024.

Dalam tempoh masa berkenaan, Pusat AHA telah melaporkan dua tindak balas bencana yang

dijalankan dalam tempoh pelaporan, iaitu penghantaran bantuan dari Sistem Logistik Kecemasan Bencana untuk ASEAN (Disaster Emergency Logistics System for ASEAN-DELSA) sebanyak dua kali kepada penduduk yang terjejas disebabkan oleh kejadian banjir yang telah berlaku di Thailand pada Disember 2023 dan Januari 2024.

Sehingga Mei 2024, Pusat AHA telah menyempurnakan 63 peratus daripada rancangan tahunan Pusat AHA bagi 2024.

Antara pencapaian utama yang telah dicapai dalam tempoh

berkenaan ialah Kursus Induksi Pasukan Tindak Balas dan Penilaian Kecemasan ASEAN (ASEAN-Emergency Response and Assessment Team-ERAT) Kali Ke-15 yang telah diadakan di Negara Brunei Darussalam pada Februari 2024.

Melalui kursus berkenaan, seramai 38 peserta telah diiktiraf sebagai Ahli ASEAN-ERAT dari negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan Pusat AHA.

Di samping itu, Lembaga Pengarah Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan

MESYUARAT Lembaga Pengarah Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) Kali Ke-20, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) turut menyatakan Pelancaran Pemantau Risiko ASEAN dan Kajian Pengurusan Bencana (ASEAN Risk Monitor and Disaster Management Review-ARMOR) Edisi Ke-4 sebagai platform untuk menggabungkan pengetahuan dan corak gaya baharu yang timbul dalam landskap risiko bencana ASEAN bagi memaklumkan dasar dan seterusnya dalam membuat keputusan operasi.

Pelancaran Portal Pengurusan Geran dan Perkongsian (ATLAS) yang berasaskan sesawang juga adalah bertujuan untuk mengurus susunan kerjasama dari Portal Pusat AHA, yang telah dilaksanakan pada Mac 2024.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Pusat AHA berkenaan mempunyai kepentingan yang cukup besar sebagai mekanisme operasi serantau yang utama dalam pengurusan bencana di rantau ASEAN.

Mesyuarat berkenaan turut menyediakan platform bagi perbincangan menyeluruh dalam membina kemajuan dan pencapaian Pusat AHA.

Tingkatkan kapasiti kemanusiaan, pengurusan serantau

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Rabu, 8 Mei. - Mesyuarat Lembaga Pengarah Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) Kali Ke-20 diteruskan lagi hari ini dengan menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Hasrat (MOIS) di antara Pusat AHA dan HELP Logistics and Direct Relief.

Majlis penandatanganan tersebut diadakan di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, petang tadi, di sini.

Menandatangi MOIS bagi Pusat AHA ialah Pengarah Eksekutif Pusat AHA, Lee Yam Ming, manakala HELP Logistics ditandatangani oleh Pengarah Serantaunya, Colin Wee, yang mewakili Pengarah Urusan HELP Logistics, Sean Rafter.

Seterusnya, MOIS di antara Pusat AHA dan Direct Relief yang masing-masing diwakili oleh Pengarah Eksekutif Pusat AHA, Lee Yam Ming, sementara Ketua Pegawai



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Hasrat (MOIS) di antara Pusat AHA dan HELP Logistics and Direct Relief yang disaksikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin (atas dan kanan).

Eksekutif bagi Pengarah Relief ditandatangani oleh Thomas Tighe.

Penandatanganan berkenaan disaksikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin.

Penandatanganan tersebut

memberikan tumpuan kepada latihan logistik kemanusiaan bagi meningkatkan kapasiti kemanusiaan dan pengurusan serantau dan kerjasama yang berkaitan dengan penyediaan bantuan kemanusiaan dan pengurusan bencana di antara kedua-dua pihak berkenaan.

Bahkan, mesyuarat Lembaga Pengarah Pusat AHA ini



mempunyai kepentingan yang cukup besar sebagai mekanisme operasi serantau yang utama dalam pengurusan bencana di rantau ASEAN.

Mesyuarat tersebut juga menyediakan platform bagi perbincangan menyeluruh dalam membina kemajuan dan pencapaian pusat AHA.

MEMPERKUKUH KAPASITI ASEAN DALAM PENGURUSAN BENCANA



GADONG, Rabu, 8 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Kemboja (ACDM) dan Mesyuarat Lain Berkaitan bagi Ke-44 diteruskan lagi hari ini dengan dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin selaku Pengerusi dan Penasihat Kerjasama ASEAN dan Antarabangsa Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan

Bencana Kemboja, Tuan Yang Terutama Virak Kim selaku Naib Pengerusi.

Antara perkara yang turut dibincangkan adalah termasuk kemajuan pelaksanaan Program Kerja Perjanjian ASEAN dalam Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan (AADMER) 2012-2025, khususnya mengenai pengukuhan kapasiti Negaranegara Anggota ASEAN dalam pengurusan bencana dan tindak balas kecemasan dengan menggalakkan kerjasama serta penyelaras pada peringkat serantau.

Selain itu, mesyuarat tersebut turut membincangkan mengenai penilaian dan pemantauan risiko, pencegahan dan mitigasi, kesiapsiagaan dan tindak balas, pemulihian berdaya tahan dan kepimpinan global.

Semasa mesyuarat berkenaan, ahli jawatankuasa juga turut mengiktiraf akan pentingnya penglibatan global dan serantau dalam berkongsi amalan terbaik dan pengalaman yang dipelajari, bertukar-tukar pandangan dan seterusnya bekerjasama dalam



SEKITAR Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ACDM) dan Mesyuarat Lain Berkaitan bagi Ke-44 yang dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin selaku Pengerusi dan Penasihat Kerjasama ASEAN dan Antarabangsa Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan Bencana Kemboja, Tuan Yang Terutama Virak Kim selaku Naib Pengerusi (atas kiri, atas, bawah kiri dan bawah kanan).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

aktiviti pengurusan bencana di luar rantau ini. Ini adalah bagi memastikan bahawa ASEAN akan terus berada di landasan yang betul ke arah mencapai visi sebagai peneraju global dalam pengurusan bencana.

Lebih 70 delegasi daripada organisasi pengurusan bencana di 10 Negara-negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan Pusat Penyelaras ASEAN untuk Bantuan Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) serta Timor Leste sebagai pemerhati telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Mesyuarat kemudiannya diteruskan dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan

Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) Kali Ke-20 sebagai sebahagian daripada Mesyuarat ACDM dan Mesyuarat

Lain Berkaitan Kali Ke-44, diikuti dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) Intent di antara Pusat AHA dan HELP Logistics and Direct Relief.



Tip Pendidikan



ENAM cara untuk miliki minat untuk belajar

1. Gunakan pelbagai sumber belajar yang berbeza seperti buku, video atau aplikasi pembelajaran yang menarik dan sesuai dengan gaya belajar awda.
2. Cipta tujuan yang jelas dan relevan yang boleh menjadi kunci untuk tarik minat dalam belajar. Tetapkan tujuan yang spesifik, dapat dicapai dan berbatas waktu untuk setiap pelajaran atau topik yang dipelajari.
3. Cari mentor atau guru yang dapat menjadi inspirasi dan memberikan sokongan. Sokongan dan arahan dari mentor dapat membantu awda tetap bermotivasi dan fokus dalam mencapai tujuan Pendidikan.
4. Memanfaatkan sumber daya pendidikan seperti perpustakaan atau melakukan perbincangan bersama guru dan kawan-kawan. Selalu pertahankan motivasi dan fokus pada tujuan pendidikan, serta jangan ragu untuk mencari bantuan jika menghadapi kesulitan.
5. Kembangkan keterampilan belajar sendiri, seperti kemampuan membaca dengan pemahaman, menulis dengan jelas serta berfikir secara terbuka.
6. Harus sabar dan konsisten dalam perjalanan pendidikan kerana proses pembelajaran memerlukan waktu dan dedikasi yang konsisten untuk mencapai hasil yang optimal.

PERTANDINGAN SELAWAT SERIKAN SAMBUTAN AIDILFITRI

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

KAMPUNG MULAUT, Rabu, 8 Mei. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mulaut telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di pekarangan Masjid Pengiran

Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed juga

selaku Ketua Kampung Putat.

Majlis malam tadi diteruskan dengan penyampaian penghargaan warga platinum 85 tahun ke atas kepada Awang Haji Kalong bin Azahari yang kini berumur 85 tahun dan juga kepada Dayang Hajah Lamiah binti Simpul, berusia 86 tahun, masing-masing tinggal di Kampung Mulaut.

Acara juga diimarahkan dengan Persembahan Tilawah Al-Quran secara berlagu oleh Awang Asrwendy bin Haji Majid yang merupakan salah seorang peserta belia dari Kampung Mulaut yang pernah mewakili Musabaqah Tilawah Al-Quran bagi Peringkat Dewasa Antarabangsa.

Selain itu, Pertandingan Selawat bagi Muslimah MPK dan masjid berkenaan dijuarai oleh Kumpulan Khadijah dengan markah 94 peratus, diikuti naib juara oleh Kumpulan Ayisah dengan markah 90 peratus serta Kumpulan Maimunah mengutip sebanyak 84 peratus sekali gus memenangi tempat ketiga.

Dengan adanya acara



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di pekarangan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut (atas). Manakala gambar kiri, sekitar majlis berkenaan.

seumpama ini diharap mencapai tujuan majlis iaitu mengukuhkan ikatan silaturahim sesama penduduk Kampung Mulaut, mengimarahkan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan sekali gus memupuk perpaduan dan kerjasama dalam menjayakan sebuah program yang berkebajikan, mulia dan bermanfaat bagi Kampung Mulaut.



ASEAN MTWG : Platform kukuhkan kerjasama maritim serantau

Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Kumpulan Kerja Pengangkutan Maritim ASEAN (ASEAN Maritime Transport Working Group - MTWG) Ke-46 telah bersidang di negara ini bermula dari 6 hingga 8 Mei

2024, menandakan satu peristiwa penting dalam memupuk kerjasama serantau dan kemajuan maritim dalam komuniti ASEAN.

ASEAN MTWG Ke-46 telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi (MTIC), Negara Brunei Darussalam (NBD), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Menerusi ucapan perasmianya, beliau bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kehadiran semua peserta.

Dalam pada itu beliau menekankan kepentingan perhimpunan tersebut dalam memajukan kerjasama maritim dalam rantau ASEAN dan merealisasikan objektif Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community - AEC).

Beliau juga menggariskan peranan kritikal ketersambungan *transportation* dalam memupuk pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran dalam komuniti ASEAN, menggunakan inisiatif utama seperti Pelan Induk mengenai Kesalinghubungan ASEAN yang menyumbang kepada pengukuhan rangkaian logistik, mempercepatkan perdagangan, dan mempromosikan pelancongan di seluruh rantau ini.

Mengakui cabaran yang dihadapi oleh sektor maritim, termasuk perubahan iklim dan pendigitalan, beliau menekankan kepentingan usaha kolaboratif dalam kalangan pihak berkepentingan untuk menangani cabaran berkenaan sambil memastikan keselamatan dan kemampuan operasi maritim.

ASEAN MTWG Ke-46, dipengerusikan oleh Penolong Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Dayang Salmaya Rahayu binti Salleh, dan

Pemegang Visa Haji sah dibenarkan mengerjakan ibadat haji

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pemberitahuan yang dikeluarkan dalam bentuk infografik oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi bahawa hanya pemegang Visa Haji yang sah sahaja dibenarkan untuk mengerjakan ibadat haji.

Manakala mana-mana pemegang Visit Visa, Tourism Visa, Work Visa, Transit Visa atau seumpamanya adalah tidak dibenarkan untuk mengerjakan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi ini.

Dalam hubungan ini, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat haji diingatkan hendaklah mengikuti semua peraturan dan saluran serta tatacara yang betul ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi terus Jabatan Urusan Haji menerusi talian, +673 2384478 atau e-mel juh.kheu@mora.gov.bn.

bersidang dengan ketua perwakilan dari negara anggota ASEAN dan Rakan Dialog, bersama-sama wakil daripada Sekretariat ASEAN dan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organization - IMO).

Perbincangan tertumpu kepada pembangunan dan strategi pengangkutan, inisiatif pengangkutan maritim yang mampan, kerjasama dengan organisasi sektor swasta dan isu-isu yang timbul dalam domain maritim.

Mesyuarat MTWG Ke-46 adalah untuk memacu perubahan penting di seluruh NBD dan rantau ASEAN, mengukuhkan kerjasama maritim serantau, mengoptimumkan operasi pelabuhan, keselamatan pelabuhan, dan memupuk pertumbuhan ekonomi yang ketara. Penerimaan Pelan Tindakan

Pengangkutan ASEAN 2026-2030 akan memainkan peranan penting dalam memajukan sistem pengangkutan maritim yang mampan dan selamat, memastikan kedua-dua kemakmuran ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar.

Sebagai komponen Mesyuarat MTWG ke-46, Bengkel Pengurusan Sisa Kapal telah diadakan pada 8 Mei 2024, menekankan dedikasi bersama untuk mempromosikan amalan lestari dalam sektor maritim.

NBD melalui MPABD, akan mempengaruhi dan menganjurkan Mesyuarat MTWG untuk penggal dua tahun, memamerkan dedikasinya yang tidak berbelah bahagi untuk membentuk landskap maritim di rantau ini, dan akan menyerahkan jawatan Pengerusi ke Kemboja pada 2026.

TIDAK ADA PERUBAHAN TARIF TENAGA ELEKTRIK, AIR

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan Jabatan Perkhidmatan Air ingin menegaskan bahawa tidak ada sebarang perubahan kepada tarif tenaga elektrik dan air yang sedia ada setelah penggantian kepada meter pintar Unified Smart Metering System (USMS).

Tarif tenaga elektrik dan air yang berkuat kuasa ketika ini adalah masih sama dan sama sekali tidak berubah, dan bagi memastikan bekalan elektrik yang berterusan kepada semua pelanggan, pihak JPE dan DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) akan menguatkuasakan secara mandatori Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS ini.

Perkara tersebut ditekankan apabila disentuh mengenai perubahan kepada tarif tenaga

elektrik dan bekalan air setelah penggantian kepada USMS semasa wawancara bersama JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN yang diadakan secara langsung melalui rancangan Rampai Pagi.

Dalam pada itu juga, JPE sentiasa berusaha bagi memastikan bekalan tenaga elektrik yang berterusan dan terjamin kepada orang ramai.

Oleh kerana itu, pihak jabatan menyeru dan mengalu-alukan biskita semua untuk membuat perjanjian bagi pengemaskinian atau penggantian meter prabayar kepada meter pintar USMS secepat mungkin untuk mengelakkan daripada sebarang kesulitan yang mungkin timbul menjelang 24 November 2024.

Walaupun pada masa ini JPE sedang membuat pemeriksaan dan pengemaskinian atau penggantian meter prabayar kepada meter pintar USMS, dengan membuat perjanjian, meter ini akan diperiksa dan

dikemas kini dengan sempurna atau diganti kepada meter pintar USMS lebih awal.

Ini akan membantu JPE merancang dengan lebih baik dan memastikan bahawa setiap meter pelanggan JPE diurus dengan cekap sebelum tarikh penting tersebut.

JPE berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai, dan tindakan awal akan membantu memastikan kelancaran proses ini.

JPE menyeru orang ramai untuk tidak melengahkan masa dan menunggu di saat akhir untuk membuat perjanjian dan hubungi JPE untuk memastikan bekalan elektrik biskita terjamin tanpa sebarang gangguan.

JPE juga ada menyediakan senarai soalan-soalan lazim [atau FAQ] mengenai TID Rollover dan boleh diperoleh di laman sesawang www.jpe.gov.bn, media sosial Facebook dan Instagram

@desbrunei.

Orang ramai juga perlu mengambil maklum bahawa pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN akan terus mengadakan program pembarigan bersama termasuk jerayawara ke daerah-daerah dan melalui media sosial bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai dengan program penggantian kepada sistem meter pintar USMS dan juga TID Rollover.

Pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN juga menasihatkan pengguna-pengguna meter pintar USMS untuk sentiasa memantau penggunaan bekalan tenaga elektrik dan air melalui aplikasi USMS atau melalui laman sesawang usms.com.bn, dan sekiranya disyaki ada sebarang perbezaan dari penggunaan sebelumnya, pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Darussalam 123 (24 jam) ataupun Talian USMS +673 73998899 dan +673 7399899 semasa waktu bekerja (Isnin hingga Jumaat) bagi pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN untuk

membuat pemeriksaan lebih lanjut.

Pihak JPE juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa sebarang pengubahsuaian meter secara haram yang mana boleh saja mengakibatkan ketidakotentuan operasi meter pintar USMS dan setentunya akan menjadikan bekalan kepada orang ramai, adalah menjadi satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi BND50,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, di bawah Akta Elektrik Penggal 71.

Jika kesalahan berterusan, denda tambahan tidak melebihi BND2,500 setiap satu hari atau sebahagian daripadanya selama mana kesalahan tersebut berterusan akan dikenakan.

Selain daripada itu, orang ramai adalah dinasihatkan agar sentiasa berwaspada untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak diketahui kesahihannya dan perlu ditekankan bahawa penyebaran maklumat palsu menurut penggal 148 Seksyen 34 boleh mengakibatkan hukuman 3 tahun penjara atau denda BND3,000.

Penjelasan mengenai TID Rollover

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Token Identifier (TID) ialah nombor unik bagi setiap token yang telah dijana yang akan dimasukkan ke dalam meter yang mana ia hanya dapat digunakan sekali, dan 'Rollover' pula secara bermaksud direset atau direfresh semula.

Secara ringkasnya, TID Rollover ialah kejadian yang mana token *identifier* kehabisan nombor dan direset semula ke bilangan sifar ataupun kosong dan mengakibatkan duplikasi pada token *identifier* yang telah dijana sebelum ini.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan semasa wawancara bersama Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jabatan Perkhidmatan Air dan DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) yang diadakan secara langsung melalui rancangan Rampai Pagi.

Kejadian TID Rollover atau kehabisan nombor ini terjadi kerana mengikut sistem token meter prabayar, kaunter TID telah diset mulai 1 Januari 1993 dan dijangka 'habis nombor' dan direset ke 0 pada

24 November 2024.

Sekiranya token dijana jua pada 24 November 2024, terjadilah duplikasi dengan nombor yang pernah dijana pada 1 Januari 1993.

Meter akan mengesan duplikasi token dan menyangka token pernah digunakan sebelum ini. Secara automatik meter akan menolak (*reject*) token.

Sama sahaja seperti mengambil nombor giliran di kaunter-kaunter perkhidmatan, di mana jumlah nombor giliran biasanya sudah ditetapkan.

Contohnya 100 orang pelanggan sahaja boleh diterima pada hari ini, dan nombor giliran yang dijana ialah 1 hingga 100, dan sekiranya ada pelanggan yang ke 101, kaunter tidak lagi dapat menjana nombor dan akan disuruh datang kesokan harinya.

Pada keesokan harinya, kaunter yang sama akan menjana jumlah dan nombor giliran yang sama iaitu 1 hingga 100, dan dari sini nampak nombor giliran adalah sama setiap hari, sekiranya kelmarin ada nombor giliran 100, hari ini pun ada nombor

giliran 100.

Turut dijelaskan ialah antara impak atau kesannya kepada pengguna meter pra bayar di Negara Brunei Darussalam, di mana TID Rollover berkenaan akan dialami oleh pengguna yang menggunakan meter-meter prabayar di seluruh dunia yang berpandukan kepada Standard Transfer Specification Association (STS) dan dijangka akan berlaku pada 24 November 2024, di mana token yang dijana pada dan selepas 24 November 2024 tidak akan diterima oleh meter berkenaan kerana isu duplikasi.

Di Negara Brunei Darussalam, JPE mengambil maklum dengan perkara ini dan telah mula melaksanakan langkah-langkah mitigasi untuk memastikan pengguna di negara ini masih dapat memasukkan token ke meter prabayar masing-masing dan seterusnya menerima bekalan elektrik seperti biasa.

Salah satu mitigasi utama ialah memperkenalkan penggantian meter prabayar khususnya yang berjenama STAR, INHE dan PLESSEY kepada USMS.

Memastikan meter dipasang TID Rollover Compliant

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Antara langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan impak atau kesan Token Identifier (TID) Rollover kepada pengguna di Negara Brunei Darussalam, yang mana Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) membahagikan proses ini kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama ialah memastikan meter-meter prabayar yang dipasang di negara ini adalah TID Rollover Compliant, iaitu boleh digunakan setelah 24 November 2024.

Dalam hal ini, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) telah mengenal pasti beberapa model meter yang bukan TID rollover (TRO) Compliant dan perlu ditukar kepada smart meter Unified Smart Metering System (USMS).

Perkara tersebut dikongsikan semasa wawancara bersama JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) yang diadakan secara langsung melalui rancangan Rampai Pagi.

Meter-meter tersebut tidak dapat digunakan selepas 24 November 2024 kerana operasi perisianya yakni *firmware* sudah luput atau mansuh (*outdated*).

Sama seperti alat elektronik yang lain misalnya telefon bimbit atau laptop yang usang dan sudah mencapai jangka hayat, boleh saja tidak compatible atau serasi dengan aplikasi atau software yang terkini, dan perlu diganti dengan telefon atau laptop yang baru untuk install software atau aplikasi yang terkini.

Sebagai langkah mitigasi tambahan, JPE juga telah mengenal pasti beberapa meter yang bukan TID Rollover Compliant tetapi perisianya dapat dikemas kini menggunakan alat khas.

Walau bagaimanapun, meter-meter prabayar ini akan juga digantikan kepada meter USMS di peringkat kemudian.

Sementara itu, perisian meter-meter ini sedang dikemaskinikan dan dinaik taraf oleh petugas JPE, dan dalam masa terdekat, JPE juga akan menggunakan khidmat kontraktor untuk mempercepatkan proses pengemaskinian perisian meter.

Dalam hal ini, pihak JPE memohon kepada orang ramai untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada petugas JPE dan juga kontraktor yang membuat pemeriksaan dan pengemaskinian

meter-meter tersebut.

Untuk makluman orang ramai, pengemaskinian akan mengambil masa dalam 5 ke 10 minit sahaja, sekiranya meter-meter ini tidak dapat dikemas kini, pihak JPE akan langsung menukar meter-meter ini kepada meter pintar USMS melalui DSTN, iaitu kontraktor yang telah dilantik kerajaan untuk melaksanakan penukaran meter.

Selesai proses pertama, proses kedua akan dilaksanakan pada bulan November oleh pengguna-pengguna meter prabayar sendiri, yang mana proses ini tidak termasuk pengguna yang sudah menggunakan meter pintar USMS.

Pada bulan November nanti, JPE akan menjana 3 token 20 digit kepada semua pengguna.

Fungsi token 20 digit yang pertama dan kedua yang dinamakan key change token adalah untuk mereset meter, dan setelah berjaya direset, barulah meter-meter ini dapat ditop-up menggunakan token 20 digit yang ketiga.

Keterangan-keterangan di atas termasuk video boleh didapati dan dimuat turun melalui laman sesawang rasmi JPE iaitu www.desbrunei.com.

@desbrunei.

Orang ramai juga perlu mengambil maklum bahawa pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN akan terus mengadakan program pembarigan bersama termasuk jerayawara ke daerah-daerah dan melalui media sosial bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai dengan program penggantian kepada sistem meter pintar USMS dan juga TID Rollover.

Pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN juga menasihatkan pengguna-pengguna meter pintar USMS untuk sentiasa memantau penggunaan bekalan tenaga elektrik dan air melalui aplikasi USMS atau melalui laman sesawang usms.com.bn, dan sekiranya disyaki ada sebarang perbezaan dari penggunaan sebelumnya, pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Darussalam 123 (24 jam) ataupun Talian USMS +673 73998899 dan +673 7399899 semasa waktu bekerja (Isnin hingga Jumaat) bagi pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN untuk

membuat pemeriksaan lebih lanjut.

Pihak JPE juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa sebarang pengubahsuaian meter secara haram yang mana boleh saja mengakibatkan ketidakotentuan operasi meter pintar USMS dan setentunya akan menjadikan bekalan kepada orang ramai, adalah menjadi satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi BND50,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, di bawah Akta Elektrik Penggal 71.

Jika kesalahan berterusan, denda tambahan tidak melebihi BND2,500 setiap satu hari atau sebahagian daripadanya selama mana kesalahan tersebut berterusan akan dikenakan.

Selain daripada itu, orang ramai adalah dinasihatkan agar sentiasa berwaspada untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak diketahui kesahihannya dan perlu ditekankan bahawa penyebaran maklumat palsu menurut penggal 148 Seksyen 34 boleh mengakibatkan hukuman 3 tahun penjara atau denda BND3,000.

USMS memacu bekalan, penggunaan utiliti lebih cekap, berhemah

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Melalui sebuah perjanjian di antara DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) dengan pihak kerajaan, DSTN telah diberikan mandat dan peranan utama untuk membuat penukaran meter yang ada pada masa ini kepada meter pintar di seluruh negara.

Syarikat DSTN adalah satu Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Darussalam Assets Sdn. Bhd.

Unified Smart Metering System (USMS) atau Sistem Meter Pintar Bersepadu adalah merupakan satu sistem yang menggabungkan perkhidmatan tenaga elektrik dan bekalan air dalam satu sistem log masuk yang menunjukkan akaun elektrik dan akaun air secara individu.

USMS ini antara lain bertujuan untuk menggalakkan dan memacu bekalan dan penggunaan utiliti yang lebih cekap dan berhemah, dan juga meningkatkan pengalaman pengguna secara keseluruhannya.

USMS tidak akan terjejas dengan proses Peralihan Token Identifier (TID Rollover) yang melanda dunia pada November 2024 nanti kerana sistem USMS tidak berdasarkan sistem token.

Dengan USMS, pelanggan boleh mendapatkan maklumat mengenai baki kredit terkini yang tersedia, melaksanakan tambah nilai dengan segera, dan melihat sejarah tambah nilai dan laporan corak penggunaan harian atau bulanan melalui aplikasi USMS.

Perkara tersebut dikongsikan semasa wawancara bersama Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN yang diadakan secara langsung melalui rancangan Rampai Pagi.

Dalam wawancara tersebut juga dikongsikan mengenai notifikasi SMS akan dihantar kepada pelanggan yang mempunyai baki kredit kurang dari BND5 bagi mengelakkan gangguan bekalan utiliti.

Pada masa ini pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan USMS melalui kemudahan seperti aplikasi USMS (boleh dimuat turun melalui App Store and Google Play); web portal USMS (www.usms.com.bn); dan juga melalui cawangan-cawangan Incomm (Kiulap - Shakirin Complex, Latifuddin Complex, The Mall Gadong - aras 2, Abdul Razak Complex Block 'D' dan Seria - Marina Theatre).

Selain itu, DSTN juga akan memperkenalkan beberapa lagi saluran pembayaran untuk memudahkan orang ramai untuk menggunakan USMS seperti pembayaran melalui aplikasi bank ataupun di kedai-kedai runcit.

Ada beberapa faktor yang boleh menyebabkan penggunaan elektrik dan air menjadi meningkat, antaranya seperti sebahagian kecil pengguna yang menggunakan meter elektrik pascabayar yang terdahulu, yang mana sistem tersebut membolehkan pengguna untuk meneruskan penggunaan bekalan walaupun pembayaran lewat dibuat, berbeza dengan USMS di mana pengguna dikehendaki membuat top-up atau menambah nilai kredit mengikut penggunaan sebenar.

Sebahagian pengguna terlupa untuk mengisi kredit bagi meter pintar air mereka selama 48 jam dan membiarkan kredit kosong dalam jangka masa tersebut, maka peralihan kredit secara automatik akan berlaku dari meter pintar elektrik ke meter pintar air untuk memastikan pengguna tidak akan ada sebarang gangguan kepada bekalan air, maknanya bekalan air akan tetap ada.

Di samping itu, pihak kerajaan juga memang mengambil berat dan mendengar sebarang aduan orang ramai dan akan dijelaskan secara case to case untuk memberikan pertimbangan yang bersesuaian.

Sementara itu, bagi pelanggan atau orang ramai yang masih mempunyai tunggakan bil air dialu-alukan untuk memasang meter pintar tersebut, di mana tunggakan terdahulu akan dimasukkan ke dalam akaun baharu USMS tersebut dan ini akan memakan masa dua ke empat minggu untuk dikemaskinikan.

Setelah dikemas kini, para pelanggan akan menerima mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai tunggakan tersebut, berapa harus dibayar dan sampai bila dalam tempoh masa tertentu.

>> Muka 18

KERJASAMA BIDANG PENYIARAN, PENERANGAN TERUS DIPERTINGKATKAN



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Hubungan kerjasama dalam bidang penyiaran dan penerangan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura terus dipertingkatkan melalui pertukaran lawatan para Pegawai Penerangan dari kedua-dua buah negara.

Baru-baru ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menjadi tuan rumah bagi Program Pertukaran Pegawai Penerangan (Information Officers' Exchange Program - IOEP) antara NBD dan Republik Singapura pada 5 hingga 8 Mei 2024.



Pada tahun ini, seramai lima pegawai kanan mewakili pelbagai kementerian dari Republik Singapura telah mengikuti program tersebut yang mana adalah salah satu program yang dimeterai di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang Penyiaran dan Penerangan antara NBD dengan Republik Singapura.

Beberapa siri atur cara juga telah disusun atur untuk para delegasi tersebut yang antaranya merangkumi beberapa siri lawatan seperti lawatan ke Jabatan Penerangan, JPM yang dimulakan dengan kunjungan muhibah kepada

Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah yang diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Pada kunjungan tersebut juga, para delegasi telah diberikan taklimat mengenai Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman, selaku Ketua Unit Perhubungan Korporat.

Rombongan juga berpeluang untuk melawat Galeri Lentera



ROMBONGAN Program Pertukaran Pegawai Penerangan (Information Officers' Exchange Program - IOEP) semasa mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah yang diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas. Rombongan juga berpeluang melawat Galeri Lentera Makmur dan Bahagian Pelita Brunei (kiri, atas sekali dan atas).

USMS memacu bekalan, penggunaan utiliti lebih cekap, berhemah

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 17

Mengenai dengan tata cara pembayaran tunggakan ada dua, iaitu pertama, para pelanggan bolehlah membayar sepenuhnya sebelum meter pintar tersebut dipasang dan ia tidak akan menjelaskan proses selanjutnya, dan yang kedua ialah membayar secara ansuran.

Secara beransuran pula ialah berdasarkan jadual pembayaran yang dikenakan seperti jenis kediaman, iaitu di bawah BND100 selama lima bulan; di bawah BND500 selama 10 bulan; di bawah BND1,000 selama 20 bulan; di bawah BND3,000 selama 36 bulan; di bawah BND5,000 selama 48 bulan; dan melebihi BND5,000 ke atas adalah selama 60 bulan.

Manakala jenis komersial,

iaitu di bawah BND5,000 adalah selama enam bulan; dan melebihi BND5,000 ke atas ialah selama 12 bulan.

Walau bagaimanapun, berkenaan dengan pembayaran tunggakan ini, jika pemotongan itu terlalu tinggi bagi orang ramai, mereka bolehlah berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Air untuk berbincang mengenai dengan pemotongan tersebut dengan kadar potongan dan bayaran mengikut kemampuan mereka, agar ia tidak memberatkan orang ramai walaupun sudah ditetapkan atau dihadkan pembayaran itu namun mereka masih boleh berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Air.

Dalam wawancara tersebut juga turut dijelaskan antara penyebab kenaikan penggunaan air adalah

disebabkan oleh ketirisan atau kebocoran paip air.

Walau bagaimanapun penggunaan air ini boleh dipantau melalui aplikasi USMS dan meneliti laporan penggunaan yang tersedia, di mana di dalam laporan itu boleh diperiksa penggunaan harian ataupun bulanan, dan pengguna juga boleh meneliti kepada meter pintar air itu sendiri jika ada tertera perkataan LEAK, kita akan tahu ada berlaku ketirisan atau kebocoran.

Bagi tunggakan yang telah ditetapkan pemotongannya setiap bulan yang telah dibuat perjanjian melalui JPE atau Jabatan Perkhidmatan Air, ia mungkin juga akan menyebabkan sedikit peningkatan dalam penggunaan bekalan, justeru adalah disarankan untuk para pengguna

untuk menambah nilai lebih tinggi daripada bayaran yang diperuntukkan setiap bulan.

Sebagai contoh, dalam perjanjian pembayaran ansuran tersebut, pelanggan telah menetapkan untuk membuat pembayaran sebanyak BND50 setiap bulan, maka nilai tambah seharusnya melebihi BND50 supaya mencukupi untuk pembayaran tunggakan.

Justeru sukastra juga memaklumkan kepada orang ramai bahawa pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN akan terus mengadakan program pembarigaan bersama termasuk jerayawara ke daerah-daerah dan melalui media sosial bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai dengan program penggantian kepada sistem meter pintar USMS dan

juga TID Rollover.

Pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN juga menasihatkan pengguna-pengguna meter pintar USMS untuk sentiasa memantau penggunaan bekalan tenaga elektrik dan air melalui aplikasi USMS atau melalui laman sesawang usms.com.bn.

Dan sekiranya disyaki ada sebarang perbezaan daripada penggunaan sebelumnya, pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Darussalam 123 (24 jam) ataupun Talian USMS +673 7399889 / +673 7399899 semasa waktu bekerja (Isnin hingga Jumaat) bagi pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN untuk membuat pemeriksaan lebih lanjut.

PUPUK CELIK DIGITAL DALAM KALANGAN WARGA EMAS

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkusa Industri Teknologi
Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

TUTONG, Rabu, 8 Mei. - Dalam memupuk celik digital dan kesedaran dalam kalangan penduduk warga emas di Negara Brunei Darussalam (NBD), Digital Brunei dengan kerjasama Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong telah mengadakan Program Jangkauan Komuniti di bawah Inisiatif Digital Brunei yang berlangsung di PKWE, Daerah Tutong.

Program yang disertai lebih 30 warga emas tersebut bertujuan untuk mendidik rakyat NBD mengenai aspek praktikal pendigitalan dalam kehidupan sehari-hari dan bagi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber, terutamanya dalam kalangan masyarakat warga emas.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi NBD (AITI), diikuti dengan penyampaian sijil kepada penceramah dan peserta yang hadir.

Sesi ini juga melibatkan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Keselamatan Siber Brunei (CSB) di mana membincangkan pelbagai

topik termasuk perlindungan identiti dalam talian; mengenal pasti laman sesawang palsu dan penipuan dalam talian.

Sementara itu, pihak Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) menyampaikan mengenai cara penggunaan alatan digital dengan berkesan. Manakala Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan EVYD Sdn. Bhd. berpeluang mengongsikan dan memperkenalkan penggunaan *digital payment* dan aplikasi kesihatan, menggambarkan fungsi alat untuk membantu komuniti warga emas dan memastikan mereka tidak ketinggalan dalam zaman kemajuan teknologi yang pesat ini.

Sesi bermaklumat diharapkan dapat memberikan pandangan yang berharga dan nasihat berguna kepada para peserta untuk mengemudi landskap digital dengan penekanan terhadap kepentingan keselamatan dalam era transformasi digital.

Lebih banyak program jangkauan komuniti akan dianjurkan pada masa hadapan, dengan kerjasama PKWE di keempat-empat daerah ke arah merapatkan jurang digital, yang akan menghasilkan



DIGITAL Brunei dengan kerjasama Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong telah mengadakan Program Jangkauan Komuniti di bawah Inisiatif Digital Brunei yang berlangsung di PKWE, Daerah Tutong.

rangkuman digital di seluruh negara.

Digital Brunei ialah inisiatif Majlis Ekonomi Digital, yang difasilitasi oleh AITI dengan tujuan memperkasa masyarakat melalui teknologi digital dalam usaha mewujudkan masyarakat yang

lebih inklusif secara digital.

Inisiatif ini juga bertujuan untuk mewujudkan NBD sebagai sebuah negara yang mempunyai inovasi dan teknologi digital dengan meningkatkan kesedaran tentang inisiatif pendigitalan nasional.

Digital Brunei komited untuk

menyelaraskan objektifnya dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan menyokong Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Untuk maklumat terkini mengenai inisiatif Digital Brunei, ikuti di Instagram, Facebook dan LinkedIn di @digitalbrunei.

12 bebola terumbu, 72 batu karang ditanam

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Poni Divers

SERASA, Khamis, 9 Mei. - Sebanyak 12 bebola terumbu atau *reef ball* dan 72 batu karang telah ditanam di sekitar kawasan Pulau Pelong Rock atau Pulau Pilong-Pilongan hari ini oleh 12 penyelam dan 20 perenang permukaan (*snorkeler*) dari Poni Divers yang turut dibantu oleh seramai 25 kakitangan SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. (SCTS). SCTSB merupakan Syarikat Kumpulan Sumitomo Corporation yang masuk ke negara ini sebagai syarikat pelaburan langsung asing, menandatangani kontrak dengan BSP pada tahun 2014 untuk penyediaan syarikat pengurusan rantaian bekalan yang membekalkan barang-barang tiub negara minyak (OCTG) tempatan untuk BSP menyumbang kepada pekerjaan tempatan, menyokong Wawasan Brunei 2035 yang lebih luas. Komitmen SCTSB terhadap pemuliharaan marin melangkaui pendidikan.

Reef ball adalah struktur terumbu tiruan yang direka bentuk khas untuk meniru terumbu semula jadi yang telah terbukti secara konsisten sangat berkesan dalam mempromosikan biodiversiti, meningkatkan habitat ikan serta menyediakan perlindungan untuk terumbu karang yang rapuh melalui ratusan kajian penyelidikan yang dikaji semula.

Sesi tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers dan Pengasas Yayasan Poni, Awang Mohd. Tahsin Wong bin Abdullah

di mana latihan ini mengajar perkembangbiakan karang dan persediaan serta peranan bagi meja karang. Ini diikuti dengan demonstrasi di darat oleh Poni Divers.

Awang Mohd. Tahsin Wong juga membincangkan kegunaan praktikal untuk bebola terumbu daripada mencipta rumah untuk ikan kepada membina semula terumbu dan teknik pembiakan karang yang berkesan untuk mananam karang pada bebola terumbu.

Dilengkapi dengan pengetahuan dan pengalaman praktikal ini, kakitangan SCTSB akan menyokong program dan pelajarnya kerana ia melibatkan enam buah sekolah tempatan dalam beberapa bulan akan datang, sebagai sebahagian daripada SCTSB Reef Ball School Program yang menyampaikan kemahiran kepada pelajar dan memupuk penjagaan alam sekitar.

Sepanjang perayaan seminggu itu nanti iaitu bermula 1 hingga 9 Jun 2024, dengan kerjasama bersama Jabatan Perikanan, antara pengisian Minggu Laut Brunei adalah bengkel pendidikan, pembersihan pantai, dialog dasar dan kempen advokasi belia.

Program Bebola Terumbu Brunei dilancarkan oleh Poni Divers & Poni Foundation dengan sokongan dari Jabatan Perikanan pada Julai 2023 yang lalu merupakan usaha kebangsaan untuk memperkuat pemuliharaan marin, meningkatkan hasil tangkapan nelayan dan mengurangkan kesan kenaikan

paras laut.


Program Bebola Terumbu Brunei adalah program di bawah Laut Brunei (yang melambangkan Penjagaan Harta Bawah Laut Brunei), inisiatif pemuliharaan marin di bawah Poni Foundation, dengan misinya untuk menjaga kehidupan marin, terumbu dan kapal karam Brunei untuk generasi masa depan melalui warga sains, teknologi dan projek kerjasama.

Antara objektifnya adalah untuk

membawa bersama respons pelbagai hala dengan penyelesaian cepat dan jangka panjang dengan sokongan akar umbi dari orang ramai dan data saintifik untuk dialog dengan pihak berkepentingan bagi merespons cabaran kompleks pemuliharaan marin. Inisiatif ini sejajar dengan matlamat tindak balas iklim Brunei dan menyokong sasaran pembangunan lestari yang tertera dalam Agenda Global 2030.



SEBANYAK 12 bebola terumbu atau *reef ball* dan 72 batu karang ditanam di sekitar kawasan Pulau Pelong Rock atau Pulau Pilong-Pilongan oleh 12 penyelam dan 20 perenang permukaan (*snorkeler*) dari Poni Divers yang turut dibantu oleh seramai 25 kakitangan SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. (SCTS) (kiri dan kanan).





Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 210 / 2023

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Pg. Fardinee Riawandee bin Pg. Ismail
(00-305989 / Army No : 16378)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Mac 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Pg. Fardinee Riawandee bin

Pg. Ismail
No. 17, Simpang 21, Jalan 24-26,
Perumahan Kg. Rimba,
Gadong, BE3119
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
28 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
30 April 2024

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Mac 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan

bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 11 Jun 2024, jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **11 Jun 2024, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :

30 April 2024

Kes No
BCY / CP / 204 / 2017

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC Finance (B))

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Haji Mazlan bin Maimon
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **23 November 2017** telah dibatalkan pada **20 April 2024**.

Nama Penghutang :
Haji Mazlan bin Maimon

Alamat Penghutang :
No. 5, Kg. Menungkol,
Mukim Kota Batu, BD4117
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :

1 Mei 2024

Kes No
BCY / CP / 548 / 2019

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Ak Zakaria bin Pg. Haji Ali
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **19 Januari 2023** telah dibatalkan pada **20 April 2024**.

Nama Penghutang :

Ak Zakaria bin Pg. Haji Ali

Alamat Penghutang :
No. 7, Simpang 162-24,
Perpindahan STKRJ Tungku,
Gadong, BE2119
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
2 Mei 2024

Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No
BCY / CP / 96 / 2016

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC Finance (B))

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Abu Samah bin Ahmad
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **18 Ogos 2016** telah dibatalkan pada **20 April 2024**.

Nama Penghutang :
Abu Samah bin Ahmad

Alamat Penghutang :
No. 1, Jalan 60, Simpang 150-6,
RPN Kg. Rimba Gadong,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
25 April 2024

Nur Sariy Syahmina binti Jaffri
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



KESALAHAN-KESALAHAN

DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK \$10,000 DAN PENJARA SELAMA 2 TAHUN



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.



Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas :

-

Kategori :
S06

Tarikh Buka Tawaran pada :
6 Mei 2024,
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
28 Mei 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
4 Jun 2024,
(Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat

Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / T005 / 2024

Membekal, Menghantar, Memasang, Memeriksa, Komisen Dan Mengendalikan Alat Pemantauan Kualiti Udara Ambien Memantau Partikulat PM 10 Dan PM 2.5 Bagi Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan Rekreasi

No. Projek :

JASTRE / BKP / T005 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)





BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sesebuah keluarga adalah sangat penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga, kewujudan negara tidak akan sempurna. Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Agama Islam juga mengatur aspek kehidupan manusia dan mendorong manusia untuk menjalin hubungan baik dengan sesama manusia, termasuk usaha untuk menunjukkan kasih sayang dalam keluarga.

Keluarga yang terjalin dengan kasih sayang akan mewujudkan keluarga yang harmoni. Jika suami isteri boleh memahami antara satu sama lain, mereka akan kelihatan mempunyai hubungan yang sangat baik dengan pasangan mereka. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 21 :

Tafsirnya : "Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya bahawa Dia menciptakan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa senang kepadanya dan dijadikannya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan rahmat (belas kasihnya). Sesungguhnya pada yang

demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) berfikir".

Di dalam Islam tanggungjawab kepimpinan keluarga pada asasnya terletak pada kaum lelaki. Walau bagaimanapun, dalam memastikan kejayaan dan keharmonian institusi ini, kedua-dua belah pihak iaitu ibu dan bapa seharusnya memainkan peranan yang sama penting.

Sebagai suami peranan asas ialah menyediakan keperluan seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Bukan itu sahaja sebagai seorang ayah, beliau juga bertanggungjawab untuk memberi pendidikan akademik untuk perkembangan minda dan pendidikan agama untuk kesejahteraan rohani dan fizikal.

Bagi ibu pula tanggungjawab utamanya ialah memastikan kelancaran dalam sistem rumah tangga yang disulami perasaan kasih sayang dan hormat-menghormati. Kedudukan dan kemuliaan sebagai seorang ibu inilah menjadi faktor asas dalam melahirkan keluarga yang bahagia.

Apakah yang dikatakan keluarga bahagia? Keluarga bahagia ialah keluarga yang dibina berdasarkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperoleh rahmat-Nya di dunia dan di akhirat. Keluarga bahagia juga adalah keluarga yang sihat, hidup dalam suasana gembira, bersikap saling sayang-menayangi, hormat-menghormati dan terpelihara dari segala perkara negatif dalam aspek kehidupan. Pembentukan keluarga yang bahagia sebenarnya memerlukan penyertaan dan kerjasama semua ahli rumah.

Sifat hormat-menghormati adalah salah satu sifat terpuji di dalam Islam, antara contoh sifat saling hormat-menghormati yang boleh diterapkan dalam sebuah institusi keluarga itu ialah memberi layanan mesra dan sopan, saling bekerjasama, saling menghargai antara satu sama lain dan menghargai budi serta jasa.

Oleh yang demikian, sikap hormat-menghormati ini hendaklah disemai sejak dari kecil lagi dengan mendidik dan mengajar anak-anak supaya sentiasa memegang sikap tersebut, lebih-lebih lagi untuk menghormati dan berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa. Perkara ini boleh dilakukan ketika anak-anak itu masih lagi bertambah iaitu semasa mereka masih kecil. Dengan yang demikian, segala perkara yang diajar kepada anak-anak akan mudah diterap dalam

sanubari mereka dan seterusnya menjadi ikutan dalam kehidupan mereka selama-lamanya.

Di dalam Al-Quran, banyak ditemukan ayat-ayat mengenai akhlak dan budi pekerti terhadap keluarga. Garis besarnya terbahagi kepada tiga perkara :

Pertama : Hubungan suami isteri

Al-Quran menggariskan supaya diwujudkan hubungan yang harmoni antara suami isteri, sebab kemesraan hubungan yang demikian akan menjadi sendi yang kuat dalam kehidupan rumah tangga. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kepada para suami sebagaimana ayat 19 Surah An-Nisa' :

Tafsirnya : "Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Jika kamu merasa benci kepada mereka (maka bersabarlah) kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak".

Kedua : Hubungan ibu bapa dan anak

Anak-anak diwajibkan berbuat baik terhadap ibu bapanya, menghormatinya, menyantuniinya, memeliharanya jika mereka di dalam keadaan miskin, lemah atau tua, jangan sampai menderhaka mereka sebab derhaka itu termasuk salah satu dosa yang besar. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Luqman, ayat 14 :

Tafsirnya : "Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelelahan demi kelelahan dan tempoh menghentikan penyusuaninya dalam dua tahun, (dengan demikian) : "Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibu bapamu. Kepada Aku jualah tempatmu kembali".

Ketiga : Hubungan dengan kaum kerabat

Dengan kaum keluarga pun perlu dibina hubungan yang akrab bahkan juga dengan orang-orang miskin. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Isra', ayat 26 :

Tafsirnya : "Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak)".

Justeru, nilai sayang-menayangi, tanggungjawab, hormat-menghormati dan pemedulian adalah elemen terpenting yang perlu diamalkan dalam keluarga,

sekiranya semua itu tidak ada, nescaya gagalnya keluarga untuk mengecapi nikmat kebahagiaan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh terbaik dalam membina dan mewujudkan keluarga bahagia. Dalam kehidupan berumah tangga, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, adalah seorang suami dan bapa yang sangat mengambil berat terhadap kebajikan keluarga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan seorang bapa yang sangat mencintai serta mengasihi putera dan puterinya. Baginda juga seorang suami yang ringan tulang dengan sering membantu isterinya dalam menguruskan rumah tangga tanpa diminta. Dalam hubungan dengan kaum kerabat, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sangat mengambil perhatian. Memuliakan dan menjaga hubungan baik dengan mereka.

Begitulah indahnya keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menunjukkan cinta dan kemesraan terhadap keluarga Baginda. Sifat mulia ini sangat sesuai dipraktikkan dalam keluarga bagi melahirkan kasih sayang antara suami isteri serta anak-anak. Sesungguhnya melayani serta memberi kecintaan kepada keluarga juga adalah sebahagian daripada sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Semoga kita semua berjaya membawa contoh-contoh terbaik Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini ke dalam keluarga kita.

Akhirnya, marilah sama-sama kita panjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga institusi keluarga yang dibina berjaya menghidupkan persekitaran yang baik dan harmoni serta melimpahkan keberkatan kepada masyarakat dan negara. Mudah-mudahan kita berjaya menjadikan negara sebagai *Baldatun Thayyibatun Warrabun Ghafur* dan membentuk masyarakat dan penduduk di negara ini berpegang teguh dengan ajaran Islam. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarnya adalah manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan". (Surah At-Tahrim, ayat 6)

PEKERTI anjur Sambutan Hari Raya

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 8 Mei. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya PEKERTI bertempat di Dewan Bankuet, Mes Pegawai Polis Gadong, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah isteri Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei juga selaku Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman. Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI serta Ahli PEKERTI dari ketujuh-tujuh cawangan PEKERTI.

Majlis diserikan dengan persembahan pentas daripada cawangan-cawangan dan seterusnya Yang Dipertua PEKERTI diiringi oleh Pengerusi Badan Sosial PEKERTI, Afina binti Willy Edwin membuat lawatan ke pondok-pondok Hari Raya di setiap cawangan bagi sesi beramah mesra.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan Pertandingan Pondok Tercantik yang mana tempat pertama telah dimenangi oleh PEKERTI Cawangan B2, tempat kedua PEKERTI Cawangan E dan tempat ketiga oleh PEKERTI Cawangan C1.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan Pertandingan Pondok Tercantik yang mana tempat pertama telah dimenangi oleh PEKERTI Cawangan B2, tempat kedua PEKERTI Cawangan E dan tempat ketiga oleh PEKERTI Cawangan C1.

Majlis Hari Raya PEKERTI ini antara lain bertujuan untuk mengerakkan lagi hubungan silaturahim di antara semua Ahli PEKERTI dan menggalakkan ahli untuk sentiasa bersatu padu.



ISTERI Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei juga selaku Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman semasa bergambar ramai pada Majlis Sambutan Hari Raya PEKERTI bertempat di Dewan Bankuet, Mes Pegawai Polis Gadong, Ibu Pejabat Polis Gadong.



Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 1 Zulkaedah 1445H/10 Mei 2024M

Dalam Islam



Tanggungjawab kepimpinan keluarga:
kaum lelaki

Kejayaan dan keharmonian
institusi keluarga: ibu bapa



DI DALAM AL-QURAN, BANYAK DITEMUKAN
AYAT-AYAT MENGENAI AKHLAK DAN BUDI
PEKERTI TERHADAP KELUARGA. GARIS
BESARNYA TERBAHAGI KEPADA TIGA
PERKARA:

- 1 Hubungan suami isteri
- 2 Hubungan ibu bapa dan anak
- 3 Hubungan dengan kaum kerabat

Mengambil berat terhadap
kebajikan keluarga



Sangat mencintai serta
mengasihi putera dan puterinya

Keluargaku Harapanku

Tanggungjawab



SUAMI
Menyediakan keperluan
(makanan, tempat tinggal dan
pakaian)



AYAH
Memberi pendidikan akademik
& agama



IBU
Memastikan kelancaran dalam
sistem rumah tangga

Rasulullah SAW

CONTOH TERBAIK DALAM MEMBINA DAN MEWUJUDKAN
KELUARGA BAHAGIA. DALAM KEHIDUPAN BERUMAH TANGGA,
BAGINDA ADALAH SEORANG SUAMI DAN BAPA YANG:

Ringan tulang dengan sering membantu
isterinya dalam menguruskan rumah
tangga tanpa diminta



Sangat mengambil perhatian,
memuliakan dan menjaga hubungan
baik dengan kaum kerabat



PRINT PLUS SDN. BHD. MERIAHKAN SAMBUTAN HARI RAYA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Walaupun sudah menghampiri ke penghujung bulan Syawal, sambutan Hari Raya terus meriah diadakan.

Print Plus Sdn. Bhd. juga tidak ketinggalan meneruskan tradisi tahunan untuk menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya 1445 Hijrah bertempat di Ibu Pejabat Print Plus, petang tadi.

Majlis tersebut dimeriahkan dengan kehadiran, Ahli Lembaga Pengarah, Awang Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial selaku tetamu kehormat.

Acara bermula dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Am Syarikat Print Plus, Awang Reeda bin Haji Malik.

Majlis diserikan lagi dengan

persempahan lagu Hari Raya Aidilfitri oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Sambutan, sementara tetamu menikmati jamuan yang disediakan.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan ialah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga Print Plus Sdn. Bhd., serta sebagai tanda syukur atas segala limpahan rahmat dan rezeki.

Majlis ini juga menjadi ingatan akan keberkatan Aidilfitri yang harus dinikmati bersama-sama, sambil menyedari bahawa tidak semua individu berpeluang untuk merasai kegembiraan tersebut.

SUASANA sekitar majlis tersebut (atas kanan dan kanan).



Terus sumbang tenaga, buah fikiran



YANG Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali semasa hadir pada Majlis Kunjungan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di kediaman Yang Dipertua BASMIDA dan seterusnya menyampaikan ucapannya (atas dan atas kanan).

JERUDONG, Khamis, 9 Mei. - Ahli-ahli Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) diingatkan berkenaan tujuan mereka sebagai sukarelawan

anti dadah ialah sebagai sedekah amalan harian kepada masyarakat agar menjauhi perkara maksiat seperti menyalahgunakan dan mengedar dadah haram, iaitu

haram dari segi undang-undang antarabangsa, negara dan agama Islam.

Perkara tersebut ditegaskan dalam ucapan alu-aluan Yang



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali semasa Majlis Kunjungan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di kediaman Yang Dipertua BASMIDA, di sini.

"Kitani tidaklah berniat untuk mendapatkan apa jua imbalan dunia seperti pujian atau materialistik," katanya.

Oleh itu, beliau ingin mengajak dan memotivasi ahli-ahli BASMIDA dan bersemangat agar terus menyumbang tenaga dan fikiran anti dadah, seterusnya berdoa agar mendapat pahala nikmat kesihatan, Islam dan kekuatan badan fizikal dan mental serta selamat dunia dan akhirat, juga mendapat rahmat dan reda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatiyah, dan diikuti dengan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai.

Kemudian majlis diteruskan dengan persembahan Selawat Sulthan oleh kumpulan Dikir Tausyeh BASMIDA (W).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan dan dipimpin oleh Dayang Aznisaryanie binti Haji Isa, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamatkan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidan.

Majlis Kunjungan Hari Raya Aidilfitri dianjurkan oleh BASMIDA melalui kumpulan Dikir Tausyeh BASMIDA (W).

TANAI TANGGUNGJAWAB, AMANAH DALAM MELAKSANAKAN TUGAS



PEGAWAI Perubatan, Dr. Mohd. Khairul Azmi bin Haji Moksin semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Aspek dalam memeduli kemaslahatan dan penjagaan kesihatan juga penting agar para jemaah haji sepanjang mengerjakan Rukun Islam kelima itu berjalan sempurna sesuai mengikut syariat Islam kita.

Rombongan seramai 20 bahagian perubatan dari Kementerian Kesihatan yang terdiri daripada enam doktor dan 14 jururawat ditugaskan dalam memeduli penjagaan kesihatan para jemaah haji semasa berada di Tanah Suci nanti.

Pegawai Perubatan, Dr. Mohd.

Khairul Azmi bin Haji Moksin semasa ditemu bual menyatakan, pihak mereka mempunyai *advance team* seramai enam petugas, iaitu dua doktor dan empat jururawat yang akan mulakan penerangan awal bagi membuat persediaan awal dari segi logistik, pembukaan klinik, mengemas kini akan tempat-tempat klinik di Tanah Suci.

Menurutnya, pihak mereka juga membincangkan mengenai jumlah klinik yang akan dibuka serta stok bekalan ubat untuk kegunaan para jemaah haji.

Perancangan untuk membuka klinik nanti tambahnya, ada dua kaedah, iaitu Klinik Statik dan Klinik Bergerak yang berfungsi bagi membuat lawatan dari satu hotel ke satu hotel.

Pada tahun ini katanya, mereka membuat persediaan awal sebelum ke Tanah Suci, iaitu pembukaan klinik-klinik perubatan haji diawalkan pada Disember tahun lepas di ke semua daerah dalam persiapan demi melancarkan lagi proses untuk para jemaah haji.

"Dari segi aspek kesihatan terkini dan seperti yang dimaklumi mengenai keadaan cuaca pada musim haji tahun ini dijangkakan adalah sedikit mencabar dan agak panas.

Justeru itu, penerangan atau juga taklimat dihebahkan mengenai bagaimana cara menghadapinya berikutan cuaca yang begitu panas antaranya *heat stroke*, para petugas

perubatan akan sentiasa juga memantau keadaan kesihatan para jemaah haji dari semasa ke semasa. "Sehubungan itu juga, para jemaah haji dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesihatan masing-masing sama ada dari segi fizikal dan juga mental," ujar Dr. Mohd. Khairul Azmi lagi.

Sementara itu, Awang Noor Izzat bin Haji Ismail yang dipilih sebagai Pelapor Haji pula menjelaskan tugas sebagai Pelapor Haji merupakan satu amanah yang harus ditanai sepenuhnya dalam memastikan perkhabaran dan aktiviti jemaah negara sepanjang musim haji dapat didengarkan dan ditonton kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Menurutnya, ia secara tidak langsung akan dapat mengajak dan menginspirasikan lagi orang ramai untuk menuaikan ibadah haji.

"Alhamdulillah tahun ini saya telah diberi kepercayaan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menjadi salah seorang Pegawai Haji dan juga Pelapor Haji bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

"Sebagai persiapan awal, saya telah mengikuti beberapa Program Persediaan Laporan Haji dan juga sesi latihan intensif yang dianjurkan oleh Pusat Perkembangan Penyiaran, RTB, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan bagi persediaan dan persiapan yang memfokuskan kepada penerbitan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

laporan haji bagi radio, berita dan televisyen," katanya ketika ditemu bual pada Majlis Junjung Ziarah Bersama Para Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Istana Nurul Iman baru-baru ini.

Awang Noor Izzat menambah, dengan adanya program latihan seumpama itu, beliau berharap akan dapat memanfaatkan sepenuhnya segala ilmu pengetahuan dan teknik yang dipelajari bagi menyempurnakan tugas penerbitan dan siaran semasa musim haji 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Di samping itu katanya, dengan persediaan itu juga diharapkan akan dapat menanai dan menggalas amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melaporkan perkembangan jemaah haji negara nanti di sana.

"InsyaAllah para rombongan Pegawai Haji sama ada pentadbiran mahupun kesihatan yang dilantik pada tahun ini akan sentiasa memberikan layanan dan

perkhidmatan yang terbaik dari semasa ke semasa.

"Semoga para jemaah nanti akan sentiasa dalam keadaan sihat agar dapat melaksanakan ibadah di sana dengan sempurna dan mendapat haji yang mabrur," katanya lagi.

Selain itu jelasnya, perkongsian dan penjelasan mengenai peranan, tugas dan tanggungjawab juga dikongsikan oleh para Pelapor Haji yang sebelum-sebelum ini dan sehubungan itu, beliau melahirkan penghargaan terima kasih atas segala perkongsian.



AWANG Noor Izzat bin Haji Ismail, Pegawai Haji dan juga Pelapor Haji bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Jaga kesihatan fizikal, mental sebelum berangkat ke tanah suci

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

suci.

"Semasa menghadiri kursus haji, kami telah diberikan nasihat untuk menjaga kesihatan dan tidak terlalu memaksakan diri kerana tenaga untuk menjalankan ibadah diperlukan sepanjang berada di sana, lebih-lebih lagi kami telah dimaklumkan mengenai cuaca di sana yang agak panas," katanya semasa ditemui Pelita Brunei pada Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah Bakal-bakal Jemaah Haji bagi Musim Haji 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

Beliau melahirkan rasa syukur dan teruja kerana buat pertama kalinya, beliau bersama bapanya, Mahari binti Haji Mudin dan ibunya, Saripah binti Haji Syed Md. Alli terpilih untuk menjadi tetamu Allah pada tahun ini.

Di samping itu juga, beliau menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan tambang bagi menuaikan Fardu Haji oleh Kerajaan Kebawah DYMM kerana berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji pada tahun ini.

Sementara itu, Aliahmad bin Awang Achee yang bakal menjelaskan ke tanah suci bersama isterinya pada tahun

ini turut menzahirkan rasa syukur kerana berpeluang menuaikan ibadah haji buat kali pertama.

Sebelum berangkat, beliau dan isteri telah membuat persiapan dengan menghadiri kursus haji selama seminggu di salah sebuah sekolah ugama di negara ini bagi melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan berkaitan ibadah haji.

"Saya berharap agar kesihatan saya dan isteri sepanjang berada di tanah suci akan sentiasa dalam keadaan baik."

"Malahan saya juga mendoakan agar anak-anak kami yang berada di negara ini nanti akan sentiasa sihat walafiat supaya kami dapat mengerjakan ibadah haji dengan mabrur dan sempurna," jelasnya.

Beliau turut mengambil kesempatan bagi menzahirkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji pada tahun ini.

Dayang Jinab binti Abdul Karim pula berkata, selain membuat persediaan dengan



HAYATUL Fakhriah binti Mahari bersama ibu beliau, Saripah binti Haji Syed Md. Alli semasa ditemu bual.

menghadiri kursus-kursus yang telah dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji, beliau juga menekankan mengenai aspek kesihatan sebagai bakal haji melalui pemakanan yang sihat dan seimbang.

"Sebagai golongan yang telah berumur, saya memilih beras merah serta mengambil banyak sayur-sayuran dan buah-buahan, selain banyak meminum air untuk menjaga kesihatan," jelas beliau.

Beliau yang telah mendaftar untuk menuaikan ibadah haji pada tahun 2018 ini akan berangkat ke tanah suci bersama suami dan tiga orang anaknya.

Anak Dayang Jinab, Noor Ajrina binti Awang Damit mengaku rasa teruja kerana tidak menyangka akan diberi peluang untuk menuaikan ibadah haji bersama ahli-ahli

keluarganya pada tahun ini.

"Kami berharap semoga ibadah haji kami berjalan dengan lancar dan dikurniakan tubuh badan yang sihat sepanjang berada di tanah suci, di samping mendapat mabrur. InsyaAllah," katanya.

Muhammad Faishal bin Haji Zakaria turut rasa bersyukur kerana impiannya untuk menjadi mengerjakan ibadah haji sejak kembali dari menuaikan umrah pada tahun 2019 bakal tercapai.

Beliau yang akan berangkat bersama ibu, ibu saudara dan neneknya ini membuat persiapan dengan menjaga kesihatan fizikal, iaitu menjalankan olahraga ringan, menjaga pola makan yang seimbang, dan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Selain kesihatan fizikal, persiapan mental dan rohani juga dititikberatkan oleh Muhammad Faishal, yang melibatkan pembacaan dan pemahaman terhadap tata cara ibadah haji, di samping meningkatkan keimanan dan ketakwaan dalam dirinya.

"Semoga segala urusan dan perjalanan kami menuju kota Mekah dan Madinah bagi menuaikan ibadah haji akan diper mudahkan dan dilancarkan," katanya.

ALIAHMAD bin Awang Achee semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mei. - Menjaga kesihatan fizikal dan mental adalah antara perkara yang perlu menjadi keutamaan bakal jemaah haji sebelum berangkat ke tanah suci Mekah dan Madinah bagi memastikan ibadah yang dilakukan sepanjang berada di sana berjalan dengan lancar.

Menurut Hayatul Fakhriah binti Mahari, beliau sentiasa berdoa agar ibadah haji yang akan beliau dan keluarga laksanakan akan dipermudahkan dan mereka akan diberikan kesihatan yang baik ketika berada di tanah



MUHAMMAD Faishal bin Haji Zakaria (kiri) dan Dayang Jinab binti Abdul Karim bersama anak beliau Noor Ajrina binti Awang Damit (kanan).

AIDILFITRI KETENGAHKAN KONSEP PAKAIAN 60-AN



PENDUDUK Kampung Setia 'A' meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengetengahkan konsep pakaian 60-an sambil berkongsi pengalaman dan cerita suasana, nostalgia dan kemeriahannya dulu daripada orang yang sudah berusia yang masih ada di kampung tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Raimi Awang Rashid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Masyarakat di negara ini masih lagi meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri meskipun Syawal bakal menemui penghujungnya. Justeru, pelbagai pihak masih merayakan dalam pelbagai variasi konsep mengikut kehendak masing-masing asalkan tidak melanggar

batasan agama.

Penduduk Kampung Setia 'A' baru-baru ini tidak ketinggalan meraikan dengan mengetengahkan konsep pakaian 60-an sambil berkongsi pengalaman dan cerita suasana, nostalgia dan kemeriahannya dulu daripada orang yang sudah berusia yang masih ada di kampung

tersebut.

Meskipun berskala kecil namun kesepakatan mengadakan sambutan di pantaran salah sebuah kediaman penduduk kampung itu sedikit sebanyak menimbulkan suasana dengan hiasan dekorasi seperti dulu-dulu.

Penghulu Mukim Zon 2, Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid semasa ditemu bual menjelaskan bahawa suasana sebegini sememangnya membangkitkan lagi situasi raya zaman dulu-dulu dan menerusi acara ini juga dapat berinteraksi dalam mengetahui bagaimana pengalaman perayaan yang disambut pada ketika itu daripada mereka yang lebih berusia.

Pada kesempatan inilah, katanya wajar kita manfaatkan daripada warga emas sebagai ristaan anak-anak muda sama ada dari segi budaya, makanan dan sebagainya yang setentunya berguna bagi generasi penerus pada masa akan datang. Apa yang kita harapkan, budaya seumpama ini akan dapat lagi memperteguhkan ikatan sesama penduduk selain berduduk sambil mengisi waktu dengan informatif yang baik.

Pastikan perkhidmatan ditawarkan memenuhi syarat, garis pandu

PENGARAH Logistik dan Sumber Manusia Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd., Pengiran Sufitra bin Pengiran Haji Bubin semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mei. - Rombongan para bakal jemaah haji kali ini diuruskan oleh sebanyak tujuh agensi pelancongan yang juga bertanggungjawab dalam pengurusan dan hal ehwal kebaikan para duayurrahman (tetamu Allah Subhanahu Wata'ala) sepanjang mengerjakan ibadat haji di sana.

Pengarah Logistik dan Sumber Manusia Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd., Pengiran Sufitra bin Pengiran Haji Bubin semasa ditemu bual menjelaskan, pihak agensinya buat pertama kali menggalas pengurusan jemaah haji buat pertama kali dan menyatakan persiapan awal adalah dengan memahami tatacara perlaksanaan dan prosedur haji melalui perbincangan dengan Pejabat Urusan Haji dan juga rakan-rakan gabungan Travel Agensi yang sudah mengendalikan haji sebelum ini.

"Kefahaman tentang tatacara dan prosedur ini, amatlah penting untuk kami, memastikan perkhidmatan yang akan ditawarkan selari dengan syarat-syarat dan juga garis pandu yang tetapkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan juga Kerajaan Arab Saudi."

"Pemilihan hotel yang akan digunakan di Arab Saudi dan juga syarikat pengangkutan adalah salah satu persiapan awal yang dibuat sebelum Akad kontrak dan baharulah pengemaskinian harga-harga pakej boleh ditawarkan," katanya.

Menurutnya, Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd. menawarkan tiga jenis pakej haji pada tahun ini, iaitu Pakej Premium, Pakej



Eksekutif dan juga Pakej Ekonomi untuk memberikan pilihan bagi bakal jemaah haji untuk menunaikan haji mengikut kemampuan dan cita rasa masing-masing.

Dengan menawarkan tiga jenis pakej ini tambahnya, kami berharap ia dapat memberikan perkhidmatan yang memenuhi kehendak bakal-bakal jemaah haji.

Selain itu katanya, Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd. juga menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sampingan seperti Umrah, Badal Umrah, Badal Haji, Wakaf Al-Quran, Perkhidmatan Korban dan Aqiqah serta Infak Makanan di samping perkhidmatan Tiket Pelancongan, Inbound dan Outbound Tours.

"Alhamdulillah seramai 58 jemaah telah mendaftar dengan Syarikat kami dan untuk memastikan kesempurnaan ibadah haji bagi jemaah Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd., pihak kami sejak awal lagi sudah membuat perancangan yang awal dan terperinci dengan sentiasa merujuk ke Jabatan Urusan Haji untuk pencerahan bagi isu-isu yang berbangkit di samping perundungan dengan hotel-hotel serta pengangkutan di Arab Saudi.

"Dalam masa yang sama perjumpaan dengan rakan-rakan agensi iaitu Titian Travel and

Tours Sdn. Bhd. dan Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. juga kami adakan secara kerap untuk buah fikiran, perbincangan tentang aktiviti-aktiviti termasuk hal-hal operasi," ujarnya.

Alhamdulillah tambahnya, dengan adanya kakitangan yang komited dan dedikasi serba sedikit banyak membantu melancarkan segala persiapan dan proses haji yang sangat komprehensif.

Menurutnya, program dan proses dari mula pendaftaran sehingga kepulangan jemaah haji haruslah dikemas kini dengan sebaik-baiknya untuk memastikan segalanya teratur.

Syarikat juga katanya, ada mengadakan kelas manasik dan praktikal untuk para jemaah bagi persiapan mereka nanti, selain turut mengadakan Taklimat Keberangkatan serta Ceramah Penghayatan untuk para jemaah sebelum mereka berangkat meninggalkan tanah air.

Pengiran Sufitra seterusnya menerangkan, dalam menangani atau membuat sesuatu perkara yang baharu memang datang dengan cabarannya dan cabaran utama yang dialami oleh syarikat ialah bagaimana kita dapat memberikan harga pakej yang menarik dengan harga yang berpatutan serta perkhidmatan yang terbaik.

"Adalah memang tidak dinafikan bahawa kos pakej menunaikan haji dari setahun ke setahun semakin meningkat dan fenomena ini dialami oleh semua negara dan NBD adalah tidak terkecuali."

"Satu lagi cabaran utama yang dihadapi sepanjang proses haji ini ialah dari segi perundingan dengan pihak-pihak hotel dan pengangkutan bagi mendapatkan harga yang paling terbaik."

"Proses pengendalian haji ini adalah tidak sama dengan umrah di mana kita terpaksa berhadapan dengan kontrak penginapan,

PUISI

Tahu Diri.

Tahu diri,
Kita bukan siapa yang bererti
Ke arah yang lebih tinggi
Kita mesti pandai mencari
Supaya senang ada harga diri.

Kerana,
Semuanya ini memerlukan
Jangan sampai tiada penentuan
Walaupun sekecil mana harapan
Harus faham apa tujuan
Jangan sampai dipersalahkan
Selagi kehidupan masih berjalan.

Segalanya itu satu kepentingan,
Yang sangat menguntungkan
Walaupun sedikit sangat memerlukan
Kerana keluarga sangat mengharapkan
Segalanya itu diri sendiri menentukan.

Harus tahu diri,
Jangan hanya duduk menyendiri
Tanpa ada erti yang dihargai
Walaupun tiada pendidikan tinggi
Yang membuat kita kecil hati
Namun kepentingan harus dicari.
Dari itu,
Harus percaya diri
Kita tetap mengerti
Tetap mencari apa dihajati
Selagi tulang masih berdiri
Semuanya itu sangat dihargai.

Adi Asma.
Beribi Gadong.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin

kenderaan dan sebagainya,
"Satu lagi cabaran yang dihadapi
ialah dari segi penarikan diri jemaah
pada saat terakhir selalunya
disebabkan oleh isu kesihatan juga
memberi impak yang mencabar
kerana apabila ketetapan bilik
sudah dibuat ini akan menyebabkan
kerugian," ujarnya lagi.

Pengiran Sufitra juga berkata
untuk perlindungan ketika
menunaikan ibadah haji pembelian

insurans / takaful adalah dimestikan oleh Kerajaan NBD.

Tambahnya, sekiranya sesuatu musibah berlaku pihak syarikat akan mendapatkan perkhidmatan daripada pihak Konsulat Agung di Jeddah serta Pejabat Pentadbiran Urusan Haji.

"Pihak syarikat juga akan mendapatkan bantuan daripada pihak insurans / takaful jika perlu," katanya lagi.

Didenda akibat miliki barang tegahan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Seorang perempuan warganegara Filipina mengaku bersalah atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006. Defendant, Lydia Bague Tomo, 53 tahun dijatuhi hukuman itu oleh Majistret Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahran di Mahkamah Majistret, hari ini.

"Bagi pertuduhan pertama, defendant dikenakan denda BND21,500 atau 13 bulan pemerlajaran jika gagal membayar keseluruhan denda

manakala pertuduhan kedua iaitu denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemerlajaran jika gagal membayar keseluruhan denda.

Defendant didakwa melakukan kesalahan-kesalahan tersebut kerana memiliki 19 karton dan 25 paket rokok pelbagai jenis, memiliki 28 botol minuman keras tanpa permit dan kebenaran yang sah dan memiliki wang tunai BND739.80, SGD11 dan satu telefon bimbit. Defendant ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), di kawasan Kampung Tanah Jambu pada 2 Mei 2024.

Kesemua barang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan manakala wang tunai sebanyak BND739.80 dan SGD11 berserta satu unit telefon bimbit dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan.

BUANG SAMPAH DI TEMPAT AWAM : SEORANG INDIVIDU DIDENDA

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Rabu, 8 Mei. - Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait mendapat satu aktiviti kerja-kerja pemotongan rumput dilakukan di kawasan bangunan Jabatan Daerah Belait, baru-baru ini.

Satu operasi telah dibuat oleh unit berkenaan dan telah pun mengeluarkan satu denda kompaun berjumlah BND100 kepada seorang individu kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggal 30), Bab 12 (1) (a) iaitu meletak, melonggok atau mencampakkan sebarang debu, habuk, abu,

bangkai binatang, sampah, kotak, tong, karung atau barang lain di sebarang tempat awam.

Individu terbabit telah pun menjelaskan denda kompaun sebanyak BND100 dan jika gagal menjelaskan pembayaran, Individu berkenaan boleh didakwa ke mahkamah.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait sekali lagi memberi peringatan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pembuangan sampah di tempat awam seperti berikut iaitu mana-mana individu yang melakukan

kesalahan di bawah bab ini, jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama.

Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang dari BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Operasi tersebut adalah bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang telah disediakan.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan



PENGUATKUASAAN Jabatan Daerah Belait mengeluarkan satu denda kompaun berjumlah BND100 kepada seorang individu kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggal 30), Bab 12 (1) (a) iaitu meletak, melonggok atau mencampakkan sebarang debu, habuk, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, karung atau barang lain di sebarang tempat awam.

Daerah Belait, sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu ataupun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam sekitar dengan

membuang bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang aduan bolehlah menghubungi menerusi talian +673 3334335 sambungan 1404 atau 1153 (Unit Penguatkuasaan).


Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



Dessert table menjadi tumpuan, perhatian tetamu



meja pencuci mulut yang menarik perhatian yang sepadan dengan tema hiasan majlis.

Tentunya, meja pencuci mulut adalah sebuah elemen penting dalam pengaturan hidangan. Biasanya digunakan untuk menyajikan hidangan penutup setelah makan. Meja pencuci mulut boleh berbeza-beza dalam reka bentuk, dari yang ringkas kepada yang lebih mewah.

Konsep meja pencuci mulut atau *dessert table* adalah meja yang diatur dengan berbagai macam hidangan penutup atau *dessert* untuk disajikan kepada tetamu dalam sebuah acara atau perayaan. Konsep ini memberikan sentuhan kreatif pada hidangan yang disajikan.

Dessert table boleh mengandungi pelbagai jenis pencuci mulut, mulai dari kuih, kek bersaiz kecil, biskut, puding hingga buah-buahan segar. Beragamnya pilihan ini membolehkan tetamu memilih hidangan kegemaran mereka. Dekorasi *dessert table* sering kali dipilih untuk menyesuaikan tema acara atau perayaan. Ini termasuk pemilihan warna yang sesuai, hiasan mengikut tema atau penyusunan yang teratur dan menarik minat selera tetamu.

Presentasi juga merupakan bahagian penting dari *dessert table*. Hidangan pencuci mulut biasanya disusun dengan kemas dan dihiasi dengan pilihan bekas atau hiasan tambahan seperti bunga segar, riben atau hiasan istimewa lain. Meja pencuci mulut juga boleh dihias dalam pelbagai cara seperti menambah nama pada kek. Jika kita hendak menyajikan pelbagai jenis hidangan pencuci mulut, pertimbangkan untuk menambahkan label kecil yang menjelaskan nama dan bahan-bahan utama dari setiap hidangan. Ini membantu tetamu yang memiliki alergi atau preferensi diet tertentu untuk memilih dengan lebih bijaksana.

Buatlah beberapa hidangan pencuci mulut yang boleh disajikan secara interaktif, sebagai contoh fondue coklat dengan pelbagai macam buah-buahan atau marshmallow untuk dicelup. Sertakan juga

beberapa pilihan hidangan yang lebih sehat seperti buah-buahan segar atau yogurt dengan topping buah-buahan dan kacang-kacangan. Ini menyediakan pilihan untuk tetamu yang ingin menikmati sesuatu yang lebih ringan. Kita dapat menciptakan *dessert table* yang tidak hanya indah secara visual, tetapi juga memuaskan selera tetamu yang hadir.

Kesimpulan, kepentingan tetapan kreatif dan estetika yang menarik penting dalam menyajikan pencuci mulut. Dengan

memberi perhatian kepada perincian seperti susun atur, warna, tekstur dan kepelbagaiannya, meja pencuci mulut boleh menjadi kemuncak dalam mana-mana acara, bukan sahaja menyenangkan selera tetapi juga mata tetamu.

Dengan menyajikan pelbagai pilihan pencuci mulut yang lazat dan menarik, meja pencuci mulut boleh menjadi pusat perhatian pada sesuatu acara dan meningkatkan suasana kepada semua yang hadir.

ACARA keramaian seperti Sambutan Hari Jadi, Majlis Pertunangan, Doa Selamat atau Rumah Terbuka pastinya dimeriahkan dengan hidangan yang lazat dan juga membuka selera bila melihatnya. Selain makanan utama seperti nasi atau aneka mee, tuan rumah juga biasanya akan menghidangkan kuih-muih, kek atau manisan lain sebagai pencuci mulut (*dessert*). Apa yang menarik perhatian penulis, kebakaran ini terdapat di beberapa majlis yang menyediakan satu meja dipenuhi dengan pelbagai jenis makanan manis dan ringan yang disusun rapi.

Kini, terdapat peniaga kecil yang menawarkan servis *dessert table* atau



meja pencuci mulut di mana kuih-muih dan kek disusun cantik di tempat khas seperti talam, manguk kaca, stand kek kayu dan sebagainya. Idea untuk mewujudkan meja pencuci mulut ini sebenarnya mampu menjadikan majlis lebih meriah, apatah lagi jika dipenuhi dengan pelbagai makanan yang membakar selera.

Tidak dinafikan bahawa hari ini, meja pencuci mulut menjadi pilihan popular dalam kalangan masyarakat. Meja pencuci mulut biasanya menjadi tempat yang paling kerap dikunjungi dalam sebuah majlis apatah lagi jika ditambah dengan kelipan cucul dan hiasan bunga. Dekorasi yang cantik dan kreatif juga memainkan peranan penting untuk menarik minat para pengunjung. Ia juga berguna untuk tangkap gambar di mana kita tahu kini kebanyakan orang suka mengambil gambar makanan atau kuih-muih untuk dimuat naik di laman media sosial mereka.

Mengadakan majlis dengan hanya menu utama sahaja tidak akan terasa lengkap. Lainnya lebih menarik jika ditambah dengan



Aktiviti pelancongan, kraf tangan tarikan pengunjung

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SALAH satu tempat yang menjadi tumpuan pengunjung yang datang ke Daerah Temburong ialah Rumah Panjang Sibut, terletak kira-kira 14 kilometer daripada Pekan Bangar menuju ke Batang Duri. Rumah Panjang Sibut yang lama yang dibina menggunakan kayu telah mengalami kebakaran pada tahun 1994. Sementara Rumah Panjang yang ada pada masa ini dibina secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1995 di tapak tanah yang sama dan mulai didiami pada tahun 1997 oleh 10 buah keluarga bangsa Iban Brunei seramai 60 orang.

Pengenalan ringkas budaya Puak Iban

Apakah yang menariknya untuk dikunjungi ke Rumah Panjang Sibut ini? Tidak lain tidak bukan adalah untuk mengetahui budaya salah satu masyarakat yang tinggal dengan aman damai bersama pelbagai masyarakat lain di bumi Darussalam ini. Ketua Pelancongan Rumah Panjang Sibut, Salmah anak Ampili menjelaskan nenek moyang warga Rumah Panjang Sibut berasal dari negara jiran dan masih meneruskan budaya seperti puak Iban di negara tersebut seperti menyambut Hari Gawai Dayak pada setiap 1 Jun. Adat resam dan cara hidup juga tidak banyak berubah di mana penduduknya masih lagi melibatkan diri dalam aktiviti pertanian seperti bertanam sayur dan pokok buah tempatan. Penduduk kampung juga masih pergi ke sungai-sungai yang berdekatan seperti Sungai Temburong untuk menangkap ikan, udang dan ketam. Penduduk kampung terutamanya kaum lelaki juga pergi ke kawasan hutan yang berdekatan untuk berburu dengan memasang jerat untuk mendapatkan binatang yang akan dijadikan makanan.

Tarian tradisi seperti 'Tarian Ngajat Iban' juga masih diadakan serta kemahiran

memasak makan tradisi dan membuat kraf tangan diwariskan dan diturunkan kepada generasi baharu terutamanya dalam kalangan keluarga.

Promosikan budaya masyarakat Iban

Memang sejak dahulu lagi ramai pengunjung berminat untuk masuk dan melihat sendiri reka bentuk Rumah Panjang dan mengalami sendiri cara hidup masyarakat Rumah Panjang. Dengan itu tidak hairanlah Rumah Panjang Sibut telah menerima pengunjung dari dalam dan luar negara sejak dahulu lagi. Menurut Ketua Pelancongan Rumah Panjang Sibut, dalam usaha memperkenalkan Rumah Panjang Sibut dan Budaya Puak Iban, warga penduduk Rumah Panjang Sibut pada tahun 2005 terlibat dengan Majlis Perundingan Kampung Sibut di mana aktiviti yang diadakan seperti aktiviti pelancongan dan kraf tangan. Melalui pengalaman-pengalaman pengurusan dan menerima kunjungan lawatan dari dalam dan luar negara, Lubuk Batu Mas Homestay telah ditubuhkan pada tahun 2008.

Bagi melicinkan lagi pengurusan aktiviti pelancongan di Rumah Panjang Sibut yang berorientasikan 'Community-Based Tourism' pula, pasukan pengurusan pelancongan telah ditubuhkan pada tahun 2019 yang diketuai oleh Salmah sendiri. Aktiviti jualan dalam rumah Panjang Sibut seperti Nemua-Sale telah diadakan dan pakej pelancongan seperti Nemu-Y Stay telah disediakan bagi mengetengahkan cara hidup dan budaya Puak Iban di Rumah Panjang Sibut.

Identiti masyarakat Iban

Sepertimana asal nenek moyang kaum Iban, 'Tarian Ngajat' adalah identiti masyarakat Iban. Bukan sahaja unik, malah keasliannya membezakan tarian ini lain

daripada tarian yang lain.

Sinonim dengan lengguk tarinya, tarian Ngajat pada suatu ketika dahulu adalah menyambut pahlawan Iban pulang daripada berperang. Mereka diraikan dengan sambutan Gawai yang dipanggil Gawai Kenyalang.

Terdapat jenis Gawai yang ada diraikan oleh Masyarakat Iban, terdapat beberapa jenis Ngajat.

Dari segi lengguk tarinya dan mereka yang mempersembahkan tarian itu adalah bergantung kepada tujuan tarian itu. Sudah pastinya, setiap tarian Ngajat ini membawa maksud tertentu.

Dari segi pemakaian pula, penari akan mengenakan pakaian tradisional asli masyarakat Iban iaitu Baju Burung bagi lelaki dan Ngepan bagi wanita.

Ngepan Iban

Pakaian Masyarakat Iban dikenali sebagai 'Ngepan Iban'. Cara pakaian ini adalah sangat unik dan masih lagi diamalkan sehingga masa sekarang terutama pada acara keramaian seperti Sambutan Hari Gawai, majlis persandingan dan acara rasmi seperti persembahan tarian tradisi. Pada hari-hari biasa masyarakat Iban memakai pakaian seperti mana yang dipakai oleh masyarakat lain.

Pakaian 'Ngepan Iban' banyak diperbuat daripada kain tenunan yang dikenalpasti sebagai 'Pua Kumbu' yang memperlihatkan corak tenunan yang sangat cantik. Pakaian tradisi wanita Iban dikenali sebagai 'Ngepan Indu' manakala pakaian tradisi lelaki Iban dikenali sebagai 'Baju Burung'. Sementara untuk perhiasan pula, menggunakan bijik manik yang dianyam pelbagai corak dan bahan logam diperbuat daripada tembaga, timah dan juga perak. Harga satu set 'Ngepan Indu' boleh mencapai hingga ribuan ringgit bergantung kepada jenis tenunan yang bahan perhiasannya.

Produk

Penduduk Rumah Panjang Sibut menghasilkan hasil pertanian dan kraf tangan bagi keperluan sendiri dan juga dijual kepada orang ramai yang datang berkunjung. Selain itu juga, hasil kraf tangan dijual semasa jualan expo Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung di dalam dan luar Daerah Temburong. Salah satu produk kraf tangan daripada Rumah Panjang Sibut iaitu anyaman bakul dengan label jenama 'Dina Craft'. Produk ini dijual melalui penyertaan Kumpulan Tunas iaitu projek BIBD bersama KHEDN.

Kunjungan

Rumah Panjang ini tidak putus-putus menerima pelbagai kunjungan sama ada dari dalam atau luar negeri. Pada Selasa, 7 Mei 2024 yang baru lalu, Rumah Panjang Sibut menerima kunjungan dari para peserta Program Pertukaran Pegawai Penerangan (Information Officers' Exchange Program - IOEP) antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura. Ketika berada di Rumah Panjang Sibut, para peserta program yang terdiri dari lima pegawai kanan mewakili pelbagai kementerian dari Republik Singapura berpeluang menyaksikan persembahan tarian ngajat, demonstrasi membuat makanan tradisi dan menyaksikan pameran hasil kraf tangan masyarakat Iban yang mendiami Rumah Panjang Sibut. Pengalaman berada di rumah panjang berkenaan setentunya akan menjadi satu pengalaman baharu yang tidak dapat dilupakan sepanjang mereka semasa berada di negara ini.

Dengan adanya kunjungan dari pihak luar negeri seperti ini diharap akan memberi semangat kepada pihak rumah panjang Sibut untuk terus mengusahakan ia sebagai pusat tarikan pelancongan yang sekaligus dapat memperkenalkan NBD ke mata dunia.



PUSAT KESIHATAN EU DESAK PENINGKATAN VAKSINASI BENDUNG PENINGKATAN KES BATUK KOKOL



STOCKHOLM, 9 Mei. - Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah (ECDC) menyeru negara anggota meningkatkan usaha vaksinasi susulan peningkatan ketara kes batuk kokol yang dilaporkan.

Menurut kenyataan ECDC, hampir 60,000 kes jangkitan yang berpotensi membawa maut telah dilaporkan dari 2023 hingga April tahun ini oleh negara-negara dalam Kesatuan Eropah (EU) dan Kawasan Ekonomi Eropah (EEA). Ini merupakan peningkatan 10 kali ganda berbanding dua tahun

sebelumnya, dengan lebih 32,000 kes dilaporkan antara Januari dan Mac sahaja.

Kenaikan kes batuk kokol, yang juga dikenali sebagai Pertusis, berkait rapat dengan beberapa faktor termasuk peningkatan wabak yang dijangka, ketidaaan vaksinasi, vaksinasi lama, kekurangan imuniti dan penurunan imun semula jadi dalam kalangan penduduk semasa pandemik COVID-19, kata ECDC.

Bayi di bawah umur enam bulan berisiko paling tinggi mengalami kesan buruk, dengan majoriti kemasukan ke hospital dan

kematian berkaitan pertusis berlaku dalam kumpulan umur ini.

Pengarah ECDC, Andrea Ammon menekankan kepentingan vaksinasi dengan mengatakan bahawa "vaksin terhadap pertusis terbukti selamat dan berkesan, dan setiap tindakan kita hari ini menentukan kesihatan masa depan."

"Kita mempunyai tanggungjawab sebagai ibu bapa dan juga sebagai profesional kesihatan awam untuk melindungi kumpulan paling terdedah daripada kesan maut penyakit ini," tambah Ammon.

Hakim tangguh perbicaraan dokumen sulit Trump

WASHINGTON, 8 Mei. - Perbicaraan hari pertama kes bekas presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang menghadapi pertuduhan menyimpan dokumen sulit kerajaan telah ditangguhkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Tarikh perbicaraan yang sebelum ini dijadualkan bermula pada 20 Mei telah dibatalkan, kata hakim yang mengendalikan kes itu, Aileen Cannon, dalam satu surat pada Selasa. Beliau menjelaskan bahawa isu undang-undang yang belum diselesaikan menjadi punca penangguhan berkenaan. Oleh itu, perbicaraan berkemungkinan tidak akan bermula sebelum pilihan raya presiden AS pada November.

Keputusan itu merupakan

kejayaan bagi calon Republikan berkenaan, kerana beliau cuba melambatkan permulaan perbicaraan sebanyak mungkin. Trump, 77, berharap untuk kembali ke Rumah Putih selepas pilihan raya presiden.

Trump kini juga sedang dalam perbicaraan di mahkamah New York berhubung kes wang sogok kepada seorang pelakon lucu. Namun, ini bukan satu-satunya masalah undang-undang Trump.

Tahun lalu, Trump didakwa dengan tuduhan persekutuan berkaitan kes dokumen tersebut. Beliau dituduh menyimpan maklumat sensitif dari tempoh pemerintahannya antara 2017 dan 2021 secara tidak sah.

Pada Ogos 2022, FBI telah menyerbu kediaman Trump di

Florida dan merampas beberapa set dokumen yang diklasifikasikan sebagai sangat sulit. Trump juga dituduh bersubhat untuk menghalang siasatan. Beliau didakwa menggunakan rakan sekutu untuk memadamkan rakaman dari kamera pengawasan dan mengalihkan kotak dokumen.

Trump mengaku tidak bersalah apabila pertuduhan dikemukakan di Miami tahun lepas. Peguamnya masih cuba menggagalkan perbicaraan itu dengan menegaskan kekebalan Trump sebagai presiden. Mereka berhujah bahawa penyimpanan dokumen itu sebagai rekod peribadi adalah tindakan rasmi presiden. - ©BERNAMA

Acara pertukaran budaya China-Serbia diadakan

BELGRADE, 8 Mei. - Sesi pertukaran kebudayaan China-Serbia anjuran bersama Kumpulan Media China (CMG) dan Radio Televisyen Serbia (RTS) diadakan di sini pada Selasa, sempena lawatan negara Presiden China Xi Jinping ke negara itu.

Timbalan Perdana Menteri Serbia, Aleksandar Vulin ketika berucap pada majlis pelancaran sesi itu berkata sejak ikatan diplomatik China-Serbia terjalin lebih 60 tahun dahulu, persahabatan dalam kalangan rakyat kedua-dua negara berkembang baik dan semakin kukuh manakala hubungan

dua hala semakin ditingkatkan melalui pertukaran rakyat dengan rakyat.

"Serbia bersedia bersama-sama media dari China termasuk CMG, merapatkan komunikasi dan kerjasama, menyebarkan cerita mengenai kerjasama yang saling menguntungkan kedua-dua negara dan mengekalkan trend perkembangan hubungan perkongsian strategik komprehensif kedua-dua negara," kata Vulin.

Presiden CMG Shen Haixiong pada majlis itu berkata pada tahun-tahun kebelakangan ini, CMG telah mengadakan kerjasama dengan

beberapa media arus perdana dari Serbia, bersama menerbitkan program dokumentari serta mengadakan "musim tayangan program China" di negara itu.

"CMG akan bekerjasama lebih erat dengan Jabatan Perhubungan Media Istana Presiden Serbia, akhbar, radio dan televisyen Serbia dalam bidang yang lebih luas. Kami berharap saluran pertukaran kebudayaan kedua-dua negara dapat diperluas lagi bagi menyuntik momentum baharu kepada komuniti berkongsi nasib China-Serbia," kata Shen. - ©BERNAMA

Estonia benar undi melalui telefon bimbit

RIGA, 8 Mei. - Rakyat Estonia akan dapat mengundi dalam pilihan raya melalui telefon bimbit selepas Parlimen di Tallinn meluluskan rang undang-undang berkaitan daripada kerajaan negara anggota Kesatuan Eropah (EU) dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) di rantau Baltik itu pada Selasa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut rang undang-undang itu, pengundian elektronik bukan sahaja boleh dilakukan menerusi komputer, tetapi juga melalui aplikasi khas untuk sistem operasi biasa pada peranti mudah alih. Keperluan teknikal akan ditentukan oleh suruhanjaya pilihan raya sebelum setiap pilihan raya.

Perubahan undang-undang itu dijangka berkuat kuasa pada Oktober. Namun, pilihan pengundian melalui telefon bimbit tidak dapat digunakan untuk pilihan raya parlimen Eropah pada Jun. Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan IT Estonia, Tiiu Riisalo berkata peraturan baharu itu bertujuan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tingkah laku penggunaan rakyat.

"Sebahagian besar aktiviti digital harian rakyat kini beralih daripada komputer ke peranti pintar dan e-Estonia mesti dapat diakses oleh semua di platform baharu dan meluas ini," kata menteri itu.

Pada 2005, Estonia menjadi

negara pertama di Eropah yang membenarkan pengundian dalam talian dalam pilihan raya politik. Di peringkat antarabangsa, prosedur ini masih kontroversi di banyak tempat kerana keimbangan terhadap kebolehpercayaannya.

Di negara Baltik yang sering digelar sebagai e-Estonia ini, ia telah menjadi kebiasaan: Lebih separuh daripada semua undian dibuat secara digital dalam pilihan raya parlimen pada Mac 2023.

Seramai 1.2 juta rakyat negara Baltik itu juga boleh melakukan hampir segala-galanya secara dalam talian dalam kehidupan sehari-hari mereka. Estonia dianggap sebagai perintis dan pelopor dalam digitalisasi dan pentadbiran elektronik di Eropah. - ©BERNAMA

Pesuruhjaya Kesihatan dan Keselamatan Makanan EU, Stella Kyriakides turut menekankan perlunya berjaga-jaga dan pentingnya vaksinasi dalam mencegah penyebaran penyakit tersebut.

Walaupun negara EU/EEA mengesyorkan imunisasi ibu bersama vaksinasi kanak-kanak, ECDC menggesa pihak

berkuasa kesihatan awam untuk mempertingkatkan pemantauan dan usaha vaksinasi. Selain itu, negara anggota juga digalakkan untuk menyampaikan risiko penyakit ini dan kepentingan vaksinasi demi meningkatkan penerimaan dan pengambilan vaksin. - ©BERNAMA

Bangunan runtuh di Afrika Selatan korbankan 7 mangsa, 39 masih hilang

CAPE TOWN, 9 Mei. - Jumlah orang yang terbunuh dalam kejadian runtuh bangunan yang sedang dalam pembinaan di Afrika Selatan meningkat kepada tujuh mangsa dengan 39 orang masih hilang, kata pihak berkuasa pada Rabu, lapor Xinhua.

Bangunan bertingkat itu runtuh pada petang Isnin di bandar pesisir George, yang terletak kira-kira 400 kilometer di timur Cape Town, di wilayah Western Cape. Punc runtuh bangunan tersebut, yang termasuk tempat letak kereta bawah tanah, masih dalam siasatan.

Seramai 36 orang telah dikeluarkan oleh pasukan penyelamat daripada runtuh bangunan tersebut, "operasi menyelamat kini menjangkau 49 jam setakat 14:30 petang ini, 8 Mei," menurut kemas kini terkini kerajaan perbandaran George.

Daripada 36 orang itu, tujuh telah disahkan meninggal dunia manakala 16 yang lain berada dalam keadaan kritis, menurut pihak perbandaran.

"Sebanyak 39 daripada 75 pekerja awal di lokasi masih belum dapat dikesan pada masa ini," katanya.

Operasi menyelamat di tapak bangunan itu masih diteruskan dengan pasukan penyelamat pelbagai disiplin membabitkan lebih 200 anggota perkhidmatan kecemasan dari seluruh wilayah, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh kerajaan Western Cape.

Perdana Menteri Western Cape, Alan Winde menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan mengucapkan terima kasih kepada semua individu serta organisasi yang terlibat dalam usaha menyelamat dan tindak balas kecemasan.

"Saya merasakan kesakitan yang sama dengan keluarga mangsa yang terkorban. Kami akan melakukan segala yang kami mampu untuk menentukan punca sebenar insiden ini," katanya dalam kenyataan itu.

"Pasukan kami di lapangan bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk menyelamatkan 39 individu yang masih hilang. Kita tidak boleh berputus asa," katanya. - ©BERNAMA

Indonesia kutuk serangan Israel ke atas Rafah, desak tindakan global cegah krisis kemanusiaan

JAKARTA, 8 Mei. - Indonesia mengutuk sekeras-kerasnya serangan tentera Israel ke atas bandar Rafah di Palestin dan kawalan yang dikenakan ke atas sempadan Rafah di sebelah Palestin.

Kementerian Luar Negeri Indonesia menyatakan: "Sebarang usaha untuk pemindahan paksa atau pengusiran penduduk Palestin, termasuk dari Rafah, tidak boleh diterima kerana ia dianggap sebagai menjahay terhadap kemanusiaan."

Melalui akaun rasmi Kementerian itu pada Rabu, mereka menggesa masyarakat antarabangsa, terutama Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, agar segera mengambil tindakan untuk menghentikan kekejaman Israel serta mengelak sebarang bencana kemanusiaan daripada berlaku.

Kenyataan itu juga menegaskan, "Indonesia mengulangi seruannya untuk gencatan senjata segera dan kekal di Gaza serta menghapuskan semua halangan terhadap penghantaran bantuan kemanusiaan."

Kementerian Kesihatan Palestin melaporkan bahawa serangan terkini Israel ke atas Rafah di Gaza pada 6 Mei telah menyebabkan 19 kematian.

Pada hari yang sama, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) memberi amaran bahawa pengepungan ketenteraan dan serangan darat di Rafah akan menimbulkan risiko bencana kepada 600,000 kanak-kanak yang mencari perlindungan di kawasan itu.

Menurut UNICEF, selepas arahan pemindahan oleh tentera Israel pada 13 Oktober 2023 supaya berpindah ke selatan, kira-kira 1.2 juta orang kini berlindung di Rafah, yang sebelum ini menampung hanya sekitar 250,000 penduduk. - ©BERNAMA



HUBUNGAN CHINA, HUNGARY DITINGKATKAN KE TAHAP BAHARU

BUDAPEST, 10 Mei. - Presiden China Xi Jinping mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Hungary Viktor Orban di sini pada Khamis dan mengumumkan keputusan untuk menaikkan hubungan kedua-dua negara ke tahap perkongsian strategik komprehensif dalam apa jua cuaca bagi era baharu.

Xi berkata hubungan antara China dan Hungary kini berada pada tempoh terbaik dalam sejarah. Perkongsian strategik komprehensif China-Hungary mengekalkan perkembangan pada tahap tinggi, sementara rasa kesalingpercayaan politik kedua-dua negara semakin diperkuuh dan kerjasama

membuat hasil yang menggalakkan dalam pelbagai bidang.

Beliau menyatakan bahawa pembinaan modenisasi ala China pasti akan memberi lebih banyak peluang kepada pelbagai negara termasuk Hungary dan Hungary dialu-alukan untuk menjadi rakan China dalam perjalannya mewujudkan modenisasi.

Xi menekankan bahawa Eropah merupakan polar penting dalam dunia multipolar dan juga rakan penting China ke arah mewujudkan modenisasi.

Xi menzhirikan harapan agar Hungary, sebagai pengurus Kesatuan Eropah (EU) pada separuh kedua tahun ini, akan

memainkan peranan positif untuk mendorong hubungan China-EU berkembang sihat dan mantap.

"Kerjasama antara China dan negara-negara Eropah Tengah dan Timur (CEEC) mempunyai daya penggerak dalaman yang kuat. Hungary diharap terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan kerjasama China-CEEC agar memberikan limpahan manfaat kepada rakyat negara-negara berkaitan," ujar Xi.

Orban dalam rundingan itu berkata beliau amat gembira melihat perkembangan hubungan kedua-dua negara.

Beliau menganggap lawatan Xi ke negaranya kali ini sebagai memperlihatkan persahabatan kukuh dan potensi besar serta

signifikan buat Hungary serta hubungan kedua-dua negara.

Beliau berkata Hungary tidak akan melupakan sokongan China yang tepat pada masanya ketika negara itu mendepani kesukaran.

Beliau menegaskan bahawa Hungary akan kkal sebagai sahabat sejati China dan menyokong China dalam melindungi kepentingan teras dan haknya yang sah.

"Pembangunan China adalah peluang, bukanlah risiko bagi Eropah."

"Hungary bersedia untuk memperkasakan komunikasi dan kerjasama dengan China untuk bersama-sama melindungi keamanan dan kestabilan dunia," kata Orban. - ©BERNAMA

Maut dalam letupan kilang bunga api di selatan India

NEW DELHI, 10 Mei. - Sekurang-kurangnya sembilan orang, termasuk enam wanita terbunuh manakala 10 lagi cedera dalam letupan sebuah kilang bunga api di negeri Tamil Nadu, selatan India pada Khamis.

Letupan berlaku berhampiran Sivakasi di daerah Virudhunagar, kira-kira 550 kilometer dari ibu negeri Chennai, menurut laporan media tempatan.

Sebanyak tujuh bilik yang dipenuhi mercun musnah dalam kebakaran itu, lapor akhbar Indian Express.

Ketua Menteri Tamil Nadu, MK. Stalin mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang meninggal dunia dan berjanji untuk menyediakan bantuan kepada mereka. - ©BERNAMA

Isu kehadiran tentera India sudah selesai

NEW DELHI, 10 Mei. - Isu kehadiran tentera India di Maldives sudah selesai, kata Menteri Luar Maldives, Moosa Zameer pada Khamis.

Moosa tiba di India dalam lawatan peringkat tinggi pertama dari Maldives ke negara jiran tersebut.

Presiden Maldives, Mohamed Muizzu selepas pilihan raya tahun lepas meminta India menarik balik hampir 90 tentera yang mengendalikan dua helikopter dan sebuah pesawat turboprop.

Beliau berkata anggota berkenaan telah digantikan dengan orang awam India untuk mengendalikan pesawat tentera.

"Kami telah beralih daripada isu itu. Bahagian itu sudah selesai," kata Moosa.

Jurucakap Kementerian Hal Ehwal Luar India, Randhir Jaiswal semasa taklimat media pada Khamis berkata perbincangan antara Moosa dan rakan sejawatannya dari India, Subrahmanyam Jaishankar meliputi 'semua aspek hubungan' termasuk isu keselamatan serantau dan kerjasama pembangunan.

Mengenai orientasi dasar luar negara yang penting secara strategik itu, Moosa berkata pentadbiran baharu adalah 'pro-Maldives' dan mempunyai hubungan baik dengan India dan China. - ©BERNAMA

Korban banjir Brazil meningkat kepada 107 orang

SAO PAULO, 10 Mei. - Angka kematian akibat banjir di negeri Rio Grande do Sul di selatan Brazil telah meningkat kepada 107 orang, kata pihak berkuasa tempatan pada Khamis selepas tujuh lagi kematian dicatatkan.

Menurut laporan terkini Agensi Pertahanan Awam, kira-kira 1,476,170 penduduk terjejas oleh bencana alam itu dan 136 orang masih hilang, lapor Xinhua.

Hujan lebat telah menyebabkan darurat diisytiharkan di 80 peratus kawasan negeri itu.

Usaha menyelamat pada Khamis menjadi rumit selepas hujan lebat terus turun.

Gabenor Rio Grande do Sul, Eduardo Leite menyifatkan ia sebagai tragedi terburuk dalam sejarah negeri itu. - ©BERNAMA

Pemimpin sementara Chad, Déby menang pilihan raya presiden

DAKAR, 10 Mei. - Presiden Sementara Mahamat Idriss Déby Itno memenangi Pilihan Raya Presiden di Chad, menurut angka awal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pilihan raya negara Afrika Tengah itu pada Khamis malam.

Jeneral itu memperoleh 61 peratus daripada jumlah undian, manakala pencabar utamanya, penyandang Perdana Menteri Succès Masra, hanya meraih lebih 18 peratus, menurut pihak berkuasa. Bekas Perdana Menteri Albert Pahimi Padacké menduduki tempat ketiga dengan kurang 17 peratus, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Keputusan sementara ini akan dikemukakan dalam masa 48 jam kepada Majlis Perlembagaan, yang kemudian akan mengumumkan keputusan akhir.

Déby, yang merampas kuasa pada 2021, menggantung perlembagaan, dan dilantik

sebagai Presiden Majlis Tentera Peralihan, merupakan calon kegemaran di antara 10 calon yang bertanding.

Pemimpin berusia 40 tahun itu mengetuai negara Afrika Tengah itu apabila bapanya, yang memerintah Chad secara sejak 1990, meninggal dunia akibat cedera di barisan hadapan

ketika melawat tentera di utara yang memerangi pemberontak.

Pilihan raya presiden Isnin lepas adalah yang pertama sejak kerajaan tentera sementara mengambil alih kuasa. Pengundi dan pemerhati meragu pilihan raya itu akan berjalan secara adil.

Negara luas itu yang mempunyai lebih 19 juta penduduk ini tidak pernah menyaksikan peralihan kuasa secara aman sejak merdeka daripada penjajah Perancis pada 1960.

Selepas pengumuman

keputusan pilihan raya pada Khamis malam, unit tentera dikerahkan ke jalan-jalan di ibu kota N'Djamena dan bandar-bandar utama lain atas sebab keselamatan.

Tidak lama sebelum itu, Masra telah menyeru tentera, polis dan semua anggota pertahanan serta pasukan keselamatan supaya tidak mematuhi arahan yang tidak adil. Beliau kemudian menyeru rakan senegaranya untuk turun ke jalanan bagi mengadakan bantahan aman mulai pagi Jumaat.

Walaupun berdepan politik yang bergolak, negara Barat melihat Chad sebagai sekutu penting dalam memerangi keganasan di rantau Sahel.

Chad, negara kelima terbesar di Afrika dan keempat termiskin di dunia, terletak di persimpangan penting di tengah-tengah benua itu. - ©BERNAMA

Pesawat patah balik kerana bau pelik

MOSCOW, 10 Mei. - Pesawat Boeing 747-8 milik syarikat penerbangan Jerman, Lufthansa ke Chicago terpaksa berpatah balik ke Frankfurt pada Khamis akibat bau pelik di dek penerbangan, menurut media negara itu, lapor Sputnik.

Seorang jurucakap Lufthansa yang dipetik akhbar harian Jerman, Bild berkata tindakan itu diambil sebagai langkah berjaga-jaga kerana bau yang tidak dapat dikenal

pasti di dalam kokpit.

Beliau berkata pesawat itu mendarat dengan selamat di Frankfurt dan semua 320 penumpang serta 19 kru selamat.

"Pesawat itu kini sedang diperiksa oleh juruteknik dan punca bau itu masih belum dikenal pasti," katanya.

Ini merupakan insiden keempat melibatkan pesawat Boeing dalam tempoh dua hari.

Terdahulu pada Khamis, pihak

berkuasa Turkiye memaklumkan bahawa 190 penumpang telah dipindahkan dari pesawat Boeing-738 yang menuju ke Gazipasa, Turkiye dari Cologne, Jerman selepas mendarat cemas apabila tayar pesawat itu pecah.

Pihak berkuasa memaklumkan tiada individu yang cedera dalam insiden tersebut. - ©BERNAMA



Kejohanan Wushu Antarabangsa Brunei Pertama mampu lahirkan atlet berpotensi

Oleh : Abu Bakar bin Haji Abd. Rahman
Foto : Arkib Penerangan

SUKAN Wushu merupakan salah satu sukan yang diminati dan menyerlah di negara ini selain ia juga menjadi salah satu acara sukan yang sering mengharumkan nama negara di pertandingan sukan serantau maupun antarabangsa.

Baru-baru ini Jabatan Belia dan Sukan dan Persekutuan Wushu Brunei Darussalam telah berjaya menganjurkan Kejohanan Wushu Antarabangsa Brunei Pertama yang diadakan bermula 3 hingga 5 Mei 2024, di Pusat Belia di ibu negara.

Kejayaan penganjuran kejohanan tersebut secara langsung menggambarkan kemampuan negara mengendalikan apa jua kejohanan sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa.

Dengan penganjuran

ini juga secara langsung dapat membantu untuk meningkatkan lagi kemahiran hakim wushu tempatan dan pengetahuan kaitangan teknikal yang diperlukan bagi pertandingan-pertandingan pada masa hadapan dan yang amat penting adalah untuk mempromosikan serta meningkatkan mutu sukan wushu di Negara Brunei Darussalam.

Perasmian kejohanan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad dan disertai oleh lapan pasukan.

Pasukan yang menyertai terdiri daripada Pasukan Wushu Australia, Pasukan Wushu Brunei, Wen Zhou Yi Tao Quan dari China, Thirteen Dynasties Competitive Wushu Association Hong Kong, Wushu Aceh, Indonesia, North Sumatra Wushu Indonesia,

Ding Feng Wushu Academy, Malaysia, serta Wushu Sport Academy, Malaysia.

Pada kejohanan julung kali tersebut, pasukan tuan rumah muncul sebagai juara dengan memperoleh 29 pingat emas, 13 perak dan 13 gangsa sementara pasukan Australia Wushu Team menduduki tempat kedua dengan memperoleh 13 emas, empat perak dan enam gangsa sementara pasukan Akademi Sukan Wushu Malaysia pula berjaya mengutip sembilan emas, sembilan perak dan dua gangsa untuk menduduki tempat ketiga.

Dengan perolehan pingat tersebut jelas dan nyata bahawa sukan wushu telah melaksanakan program mereka dengan baik sama ada bagi jangka masa pendek maupun jangka panjang terutama bagi pelapis untuk menjadi pengganti atlet yang ada pada masa ini.

Sejak penubuhan Persekutuan Wushu Brunei Darussalam pada 21 tahun yang lalu mereka telah banyak meraih kemenangan serta melahirkan atlet-atlet yang berbakat dan berpotensi seperti gandingan Faustina Woo W. dan Lee Ying Shi.

Malah pada akhir-akhir ini persekutuan ini juga telah melahirkan atlet yang sangat berpotensi seperti bintang wushu Negara Brunei Darussalam, Basma Lachkar yang telah mencapai kecemerlangan dalam sejarah sukan negara apabila memenangi pingat perak dalam acara Taijijian dan Taijiquan Wanita pada Sukan Asia ke-19 Hangzhou 2022, Republik Rakyat China.

Kejayaan tersebut menjadi prestasi terbaik negara dalam Sukan Asia dengan memenangi pingat perak buat julung kalinya.

Pada kejohanan tersebut, Basma telah mencatatkan 19.502 mata di belakang pemenang pingat emas China, Tong Xin yang memperoleh 19.696 mata dan menundukkan juara dunia dari Hong Kong, Chen Suijin yang meraih pingat gangsa



dengan mencatat 19.476 mata.

Juga menjadi atlet kebanggaan persekutuan masa ini ialah Mohd Adi Salihin bin Roslan yang telah berjaya menyumbang pingat emas tiga kali berturut-turut semasa temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) selain kemenangannya di lain-lain kejohanan di luar negara.

Juga menjadi kebanggaan persekutuan ini ialah apabila berjaya menganjurkan Kejohanan Belia Asia Ke-10 pada 2019.

Penganjuran kali ini merupakan percubaan kali kedua bagi persatuan berkenaan untuk menghoskan pertandingan wushu serantau dengan matlamat untuk memberikan peluang kepada atlet-atlet muda tempatan untuk bersaing

dengan atlet-atlet antarabangsa serta meningkatkan lagi keupayaan setiap atlet.

Untuk mempromosikan lagi perkembangan wushu di negara ini dan serantau pihak pengjur berharap kejohanan seumpama itu akan dapat diadakan secara kerap iaitu setiap dua tahun.

Semoga perancangan dan ukgayah yang dilakukan oleh Persekutuan Wushu ini menjadi contoh baik serta ikhtiar kepada persatuan-persatuan lain untuk melangkah lebih jauh lagi terutama dalam mencapai kejayaan melahirkan atlet-atlet yang berbakat yang setentunya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa suatu masa nanti.





PENANDATANGANAN KONTRAK DPMM FC



TIMBALAN Pengerusi DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj berangkat bagi menyaksikan Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak DPMM (DPMM FC) dengan pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak Liga Singapura 2024 / 2025, diadakan di Centrepoint (kiri dan atas). Manakala bawah kanan, Pelancaran Jersi DPMM FC Musim 2024 iaitu 'Home and Away Jersey'.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Rabu, 8 Mei. - Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak DPMM (DPMM FC) dengan pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak Liga Singapura 2024 / 2025 telah diadakan di Centrepoint, hari ini.

Berangkat bagi menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Timbalan Pengerusi DPMM FC, Yang Amat Mulia Pengiran

Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj, yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Majlis Penandatanganan dimulakan dengan penandatanganan kontrak pemain antara DPMM FC dengan 25 pemain kelab bola sepak tersebut. Ini diikuti dengan Penandatanganan Kontrak Penaja di antara DPMM FC dengan penaja-penaja.

Dalam penandatanganan tersebut, DPMM FC diwakili oleh Pengurus Am kelab berkenaan iaitu Awang Mohammad Ali bin Haji Momin dan Penolong Pengurus Pasukan 1, Awang Rosmin bin Haji Kamis.

Manakala penandatanganan kontrak penaja Kelab Bola Sepak DPMM FC dengan penaja-penaja diwakili oleh Pengurus Am Kelab, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin dan Pengurus Pemasaran, Haji Awang Momin bin Haji Md. Ja'afar.

Sementara itu, pihak penaja yang terdiri daripada Royal Brunei Airlines Sendirian Berhad; Mitsubishi Corporation; Brunei Shell Marketing Co. Sdn. Bhd.; Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Setia Motors Sdn. Bhd.;

Baiduri Bank; Hui Huang Enterprise (YOU. C 1000); Begawan Athlete Enterprise; Borneo Genomic Innovation Sdn. Bhd.; Waznah Enterprise Sdn. Bhd.; Pitch Company dan Kingsley Medical Suppliers Sdn. Bhd. diwakili oleh pengurus-pengurus atau pegawai-pejawat tinggi syarikat masing-masing.

Juga diadakan pada majlis tersebut ialah Pelancaran Jersi DPMM FC Musim 2024 iaitu 'Home and Away Jersey' dan video pendek daripada Pitch Company.

NBD akan sertai Kejohanan Kelab ASEAN Piala Shopee



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Persatuan Bola Sepak

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mei. - Pasukan Kasuka FC akan mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada kejohanan Kelab ASEAN Piala Shopee 2024/2025 (Shopee Cup ASEAN Club Championship 2024/2025) yang akan diadakan pada Julai depan.

Sehubungan dengan itu, Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff pagi tadi

berlepas ke Ho Chi Minh City, Viet Nam atas jemputan Persatuan Bola Sepak Asia Tenggara (AFF) bagi menyaksikan majlis pengundian bagi kejohanan berkenaan.

Juga menyertai rombongan ialah Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Haji Muhd. Waslimin bin Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abd. Momin.

Kejohanan berkenaan akan disertai oleh pasukan-pasukan juara dan naib juara bagi

PRESIDEN FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff berlepas ke Ho Chi Minh City, Viet Nam atas jemputan Persatuan Bola Sepak Asia Tenggara (AFF) bagi menyaksikan majlis pengundian bagi kejohanan berkenaan.

kejohanan Liga Kebangsaan dari Indonesia, Malaysia dan Viet Nam.

Pasukan Filipina dan Republik Singapura juga dijemput bagi kejohanan berprestij anjuran AFF.

Sementara itu, pasukan bola sepak NBD, Kemboja, Laos dan Myanmar akan bersaing pada perlawanan kelayakan untuk mencari slot dua pasukan terbaik untuk mara ke peringkat kumpulan.

Kejohanan berkenaan menjadi landasan terbaik kepada kelab-kelab bola sepak ASEAN untuk meningkatkan kemajuan dan kejayaan pada peringkat antarabangsa.



Tahukah Awda

RADIO Televisyen Brunei mula menyiarkan radio pada 2 Mei 1957 dengan Perutusan Titah Hari Raya Puasa Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Muda Omar Ali Saifuddien III. Terdapat sebuah studio yang disiarkan selama 45 minit setiap malam dari jam 8:00 hingga 8:45. Rangkaian pemancar 1.2kW tunggal itu hanya lima batu di sekitar Bandar Brunei dan sekitarnya. Menjelang September 1958, Radio Brunei mula disiarkan enam jam sehari selepas menjalani tempoh ujian selama dua minggu. Kini siaran radio berkembang maju dengan lima rangkaian tempatan iaitu Nasional FM, Pelangi FM, Pilihan FM, Harmoni FM dan Rangkaian Nur Islam.

SUMBER : www.rtb.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KASIH SAYANG MEWUJUDKAN KELUARGA HARMONI